

Bab 1 Manusia Perlu Bersyukur

1.1: Intisari ayat

- Allah beri peringatan kepada musyrikin Mekah mengambil iktibar terhadap kaum dahulu yang dibinasakan Allah kerana tidak bersyukur nikmat-Nya, bahkan melakukan kemungkar dan kekufuran. Mereka menerima azab yang pedih.

1.2: Mensyukuri nikmat Allah

- Allah menyediakan pelbagai kemudahan dan nikmat tidak terhingga.
- Nikmat kurniaan Allah:
 - iman
 - Islam
 - kesihatan tubuh badan
 - akal fikiran
- Cara bersyukur dengan nikmat-Nya

Hati	
Sentiasa ingat Allah	Merendah diri terhadap kekuasaan-Nya
Lidah	
Ucap Alhamdulillah	Baca al-Quran, zikir, tasbih
Anggota badan	
Guna nikmat ke arah kebaikan	

1.3. Kemusnahan kaum 'Ad, Thamud, Lut

- Kaum Ad : Allah beri nikmat tanah subur dan hasil tanaman mewah tetapi mereka kufur dan tolak ajaran Nabi Hus a.s. Mereka dibinasakan oleh Allah dengan puting beliung memusnahkan diri dan harta
- Kaum Tahmud : Allah beri kekayaan dan hidup mewah tetapi mereka angkuh, tidak beriman dan tuduh Nabi Soleh a.s pendusta. Mereka dibinasakan dengan halilintar dan gempa bumi
- Kaum Lut : hidup mewah tetapi tolak ajaran Nabi Lut a.s. dan amalkan homoseks. Mereka binasa dengan diterbalikkan negeri mereka

1.4. Manusia sebagai khalifah Allah

- tugas manusia sebagai khalifah
 - beribadat kepada-Nya
 - menegakkan agamaa

- amar makruf nahi mungkar
- membangun dan mengurus alam dengan baik berdasar syariat

1.5. Pengajaran ayat

- Allah binasakan umat terdahulu kerana kufur dan ingkar
- manusia mesti bersyukur nikmat Allah
- orang tidak bersyukur diazab Allah

Bab 2 Rasul Penyampai Wahyu

2.1. Intisari ayat

Nabi Muhammad manusia biasa dilantik dan diutuskan Allah untuk pimpin manusia ke arah kebenaran. Baginda bkn malaikat atau anak Tuhan tetapi manusia biasa yang tidak ada kuasa terhadap khazanah Allah dan juga tidak tahu perkara ghaib.

2.2. Peranan rasul

- membetulkan akidah daripada kesesatan kepada beriman kepada Allah
- mengajar cara beribadat dengan betul
- mendidik manusia berakhlak mulia
- memberitahu tentang perkara ghaib

2.3. Perkara ghaib

- perkara ghaib hanya diketahui Allah seperti tarikh kiamat, penentuan rezeki, ajal dan maut seseorang
- perkara yang tlg berlaku seperti kisah Nabi dan kemusnahan umat yang menderhaka kepada Allah
- perkara yang wujud tetapi tidak dapat dilihat dengan pancaindera seperti malaikat, syaitan, jin, syurga dan neraka
- perkara yang akan berlaku seperti kemunculan Nabi Isa a.s., dajjal, Yakjuj dan Makjuj
- perkara yang diketahui melalui ilmu dan kajian seperti petroleum, emas, dan jenis tumbuhan yang boleh jadi ubat.

2.4. Hikmah kewujudan perkara ghaib

- sebagai bukti kebesaran dan kekuasaan Allah
- untuk menggalakkan manusia membuat kajian dan penyelidikan
- dapat meningkatkan keimanan kepada Allah
- supaya manusia sentiasa fikir kebesaran Allah

2.5. Tugas manusia

- mengikut ajaran Nabi s.a.w. untuk dapat kebahagiaan hidup dunia dan akhirat
- berusaha dan ikhtiar teroka khazanah Allah sama ada di lautan, daratan, angkasa untuk kepentingan hidup
- mencari kurniaan Allah di samping tidak lupa tuntutan kehidupan dunia

2.6. Wahyu Allah

- ❖ wahyu adlh pengetahuan yang diperoleh seseorang dengan keyakinan bahawa wahyu itu semata-mata daripada Allah melalui perantaraan atau sebaliknya
- ❖ cara wahyu diturunkan:
 - malaikat memasukkan wahyu ke dalam hati Nabi tanpa disedari
 - malaikat menjelmakan diri sebagai lelaki
 - malaikat menampakkan diri yang sebenar
 - wahyu didengar oleh Rasullulah s.a.w. seperti bunyi loceng dan sebagainya

2.7. Pengajaran ayat

- para rasul adlh penyampai wahyu Allah kepada manusia
- nabi dan rasul dilantik Allah dalam kalangan manusia
- kita hendaklah berfikir berdasarkan wahyu untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat

Bab 3 Larangan Mempersendakan Agama

3.1. Intisari ayat

- terdpt beberapa gol manusia mempermain dan mempersenda agama
- mereka tertipu dengan keseronokan dan keindahan hidup dunia dan mengutamakan dunia daripada laksanakan perintah Allah
- gol ini akn dapat azab

3.2. Huraian ayat

- mempermain/mempersenda meliputi tindakan lisan atau perbuatan yang merendahkan martabat Islam
- perbuatan mempersenda agama

- bangga melanggar perintah Allah
- hina gol brtaqwa
- menyanjung maksiat
- melanggar syariat seperti tidak solat, puasa, bayar zakat
- golongan mempersenda agama
 - musyrikin: menyekutukan Allah dan nenentang agama tauhid
 - munafik : menyembunyi kekufuran, menzahirkan keislaman
 - murtad: keluar agama Islam
 - 'Asi: melakukan maksiat dan melanggar perintah Allah
- akibat mempersenda agama
 - akidah rosak
 - mendapat balasan azab di akhirat
 - jiwa menjadi resah gelisah
 - segala kebaikan menjadi sia2

3.3. Tuntutan memelihara agama

- melaksanakan perintah Allah dan menjahi larangan-Nya
- melakukan amal solah dan berakhlak mulia
- menentang kemungkaran
- melahir nilai keislaman dalam masyarakat

3.4. Akibat tidak memelihara agama

- umat Islam mundur dan ketinggalan
- Islam dihina dan dipermain oleh pihak lain
- maksiat berleluasa
- umat Islam tidak dihormati dan disisih

3.5. Harta kekayaan dan pangkat sebagai ujian

- harta dan kekayaan kurniaan Allah yang kadang-kadang dijadikan ukuran taraf seseorang
- Islam menggalakkan mencari harta kekayaan asalkan harta tersebut halal dan berdasarkan prinsip Islam
- umat Islam hendaklah jadikan harta sebagai alat kebahagiaan dunia dan akhirat

3.6. Pengajaran ayat

- umat Islam wajib menjaga kesucian agama setiap masa
- Islam bukan satu alat kepentingan peribadi

- orang yang mempersenda agama akan dapat azab dan seksaan pedih di akhirat

Bab 4 Hidayat Milik Allah

4.1. Intisari Ayat

Allah berkuasa beri hidayat kepada siapa yang dikehendaki dengan melampirkan dadanya. Orang yang tidak dapat hidayah berasa sempit dada kerana bala Allah kepada orang yang mendurhaka.

4.2. Hidayat Milik Allah

- hidayat adalah cahaya petunjuk Allah ke arah jalan benar dan diredai
- sorg yang dapat hidayat berubah tingkah laku dari kufur kepada beriman kepada Allah
- contohnya peristiwa Umar Al_khattab
- jika dia tidak dikehendaki oleh Allah menuju jalan yang benar, dia tetap sesat walaupun dapat seruan dan ajaran Islam seperti yang berlaku kepada Abu Jahal
- kepentingan hidayat:
 - ❖ pembimbing kebenaran dan amalan mendapatkan keridaan Allah
 - ❖ supaya tindakan yang dilakukan tidak bertentangan dengan ajaran Islam
 - ❖ supaya amal ibadat dan kebaikan dapat pahala dan berkat

4.3. Manusia Tidak Berkuasa Beri Hidayat

- hanya Allah yang berkuasa beri hidayat. Manusia kena usaha dptkannya dengan syarat kena benar2 beriman kepada Allah
- maksud kelapangan dada adalah cahaya Ilahi yang diletakkan dalam seseorang hingga jadi lapang dada
- tanda orang memiliki kelapangan dada
 - ❖ jiwa cenderung kepada akhirat
 - ❖ selalu siap sedia hadapi mati
 - ❖ jauhan diri dari tipu daya dunia
- kelebihan dapat hidayat
 - ❖ menikmati kemanisan iman
 - ❖ matlamat hidup jelas
 - ❖ pegangan akidah dan hidup menepati syariat
 - ❖ rajin usaha peroleh kejayaan hidup dunia dan akhirat

4.4. Cara Memperoleh Hidayat

- sentiasa zikir ingat kebesaran dan kekuasaan Allah
- bertaubat mohon ampun
- amal akhlak mulia dan menjauhi kemungkaran
- sentiasa doa mohon hidayat

4.5. Kewajipan Berdakwah

- tugas berdakwah tugas seluruh umat
- sampaikan dakwah ikut keupayaan
- tujuan dakwah
 - ❖ memelihara maruah dan kesucian agama
 - ❖ menarik orang kafir peluk Islam
 - ❖ mencegah kemungkaran dan tegakkan keadilan
 - ❖ tingkatkan martabat agama dan umat
- berdakwah kena cara betul dan ber hikmah supaya tarik minat kafir
- dakwah dengan cara ini beri peluang mereka fikir tentang kebenaran Islam

4.6. Kesan Hidayat Allah

- merubah seseorang tidak beriman kepada beriman
- peningkatan dalam ibadah sama ada fardhu ain atau kifayah
- mengamalkan perbuatan baik dan tinggal mungkar
- gembira dan tenang jalankan perintah Allah

4.7. Pengajaran Ayat

- hanya Allah yang berkuasa beri hidayat
- orang yang dapat hidayat berubah dari tidak beriman kepada beriman
- kita hendaklah berdoa pohon hidayah Allah kerna hidayah nikmat terbesar kepada manusia

Bab 5 Akidah Teras Kehidupan

5.1. Intisari Ayat

- umat Islam hendaklah tunaikan solat dan ibadat lain sebagai 1 cara untuk mentaati perintah Allah
- umat Islam hendaklah serahkan segala urusan hidup kepada Allah
- setiap manusia bertanggungjawab atas perbuatan yang dilakukannya
- Allah akan balas perbuatan tersebut dengan adil di akhirat

5.2. Huraian Ayat

- nikmat iman dan Islam adalah nikmat yang paling agung
- cara memelihara nikmat iman dan Islam
 - ❖ sentiasa berdoa kepada Allah
 - ❖ melakukan ibadat semata2 untuk mndapatkan keredaan Allah

5.3. Matlamat Hidup Mukmin

- menyerah diri dan menyembuh Allah
- bertawakal, serah urusan hidup hanya kepada allah
- melaksanakan tgungjwb brlandaskan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah
- berazam untuk memperoleh kesejahteraan dan kebahagiaan hidup dan akhirat
- menegakkan syiar Islam di muka bumi

5.4. Islam Agama Yang Lurus

- risalah para rasul tujuannya sama iaitu bimbing manusia ke jalan yang lurus
- semua ajaran Islam menekankan prinsip hidup brteraskan akidah tauhid iaitu hablun minallah wa hablun minannas
- hablun minallah ialah hubungan dengan Allah seperti solat, puasa, haji
- hablun minannas ialah hubungan baik sesama mnusia seperti jual beli, amalan berjiran, berkomunikasi
- Islam agama universal dan sesuai bagi semua bangsa, tidak kira warna kulit dan keturunan

5.5. Tugas Dan Tanggungjwb Manusia Dalam 3 Bidang Utama

- setiap orang Islam diberi tggungjwb ikut kmampuan masing-masing
- tggungjwb manusia
 - ✓ Al-Ibadah
 - ❖ manusia hndaklah abdikan diri kepada Allah dengan tunai ibadat khusus seperti solat atw ibadat umum seperti mempelajari ilmu
 - ✓ Al-Khilafah
 - ❖ membina kekuasaan di muka bumi untuk jalankan perintah Allah dan mentadbir kerajaan dengan berteraskan pengabdian diri kepada Allah
 - ✓ Al-imarah
 - ❖ bina prasarana dalam pelbagai bidang pembangunan spiritual dan material untuk bentuk negara maju dan makmur

- ✓ tanggungjawab manusia
 - ❖ laksana amar makruf nahi mungkar
 - ❖ memelihara dan memulihara alam
 - ❖ melaksanakan segala syariat Allah
 - ❖ mengadakan pembangunan berlandaskan syariat

5.6. Pengajaran Ayat

- hanya Islam agama yang benar dan diredhai Allah
- manusia bertanggungjawab atas semua perbuatannya di dunia
- matlamat hidup orang Islam adalah berteraskan syariat Allah

Bab 6 Ciri-Ciri Mukmin Berjaya

6.1. Intisari Ayat

- Allah janjikan kemenangan kepada orang yang tunaikan solat dengan khusyuk, menjauhi daripada perbuatan sia-sia, mengeluarkan zakat, jaga kehormatan diri, bersifat amanah, menepati janji
- golongan ini pewaris syurga Firdaus dan kekal di dalamnya untuk selamanya
- Islam menyeru umat mencapai kejayaan (aal-Falah) dunia dan akhirat

6.2. Huraian Ayat

- ciri-ciri mukmin berjaya
 - ❖ beriman kepada Allah
 - ❖ solat dengan khusyuk
 - ❖ mengeluarkan zakat
 - ❖ jaga kehormatan diri
 - ❖ tunai amanah dan janji
 - ❖ jaga waktu solat
 - ❖ menjauhi perkara keji dan sia-sia

6.3. Khusyuk Dalam Solat

- khusyuk dalam solat ialah tunduk dan rendah diri dengan tumpukan fikiran, hati dan anggota ketika solat semata-mata kerana Allah
- cara khusyuk dalam solat
 - ❖ mengagungkan kebesaran dan kemuliaan Allah
 - ❖ memahami maksud ayat dan lafaz
 - ❖ menumpukan pandangan ke tempat sujud
 - ❖ tidak bergerak atau berpaling ke kiri dan ke kanan
 - ❖ menunaikan solat dengan ikhlas

- ❖ solat dengan tidak tergesa-gesa

6.4. Mengeluarkan Zakat

- peranan zakat dalam masyarakat
 - ❖ membangunkan ekonomi
 - ❖ memberi biasiswa kepada pelajar
 - ❖ membantu fakir miskin yang hidup dalam kedaifan

6.5. Menjaga Kehormatan Diri

- menjaga kehormatan diri adalah memelihara maruah diri daripada perbuatan yang dilarang Islam
- cara jaga maruah diri
 - ❖ tutup aurat dengan sempurna
 - ❖ jauhi zina dan pergaulan babas
 - ❖ hindar diri daripada terlibat dengan perkara keji seperti rasuah, penyelewengan dan penipuan
 - ❖ amal akhlak mulia

6.6. Memelihara Amanah Dan Menepati Janji

- orang yang mengkhianati janji termasuk dalam golongan munafik
- tanda-tanda munafik
 - ❖ bercakap bohong
 - ❖ mungkir janji
 - ❖ pecah amanah
 - ❖ melampaui batas ketika bertengkar

6.7. Menjaga Waktu Solat

- cara menjaga waktu solat
 - ❖ kerjakan solat apabila masuk waktu
 - ❖ menjaga segala rukun qalbi (hati), qauli (perkataan) dan fikli (perbuatan)
 - ❖ bersungguh-sungguh tunaikan solat

6.8. Pengajaran Ayat

- solat hendaklah ditunaikan dengan khusyuk dan ikhlas kerana solat tiang agama
- umat Islam hendaklah menjaga maruah dan kehormatan diri setiap masa

- menunaikan janji dan amanah merupakan sifat yang mencerminkan peribadi Muslim

Bab 7 Nasihat Luqman Al-Hakim

7.1. Intisari Ayat

Luqman menasihati anaknya supaya bersyukur kepada Allah, tidak mensyirikkan Allah, berbakti kepada kedua ibu bapa, mendirikan solat, melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan, tidak bersikap sombong dan bersopan ketika berjln. Segala amalan baik dan jahat akan dibalas di akhirat kelak

7.2. Huraian Ayat

- Luqman ialah hamba Allah yang solah lagi bertaqwa
- beliau dianugerahkan pengetahuan, kebijaksanaan, kefahaman agama yang mendalam, kemuliaan dan kedudukan yang tinggi
- beliau digelar Al-Hakim kerana kata-kata hikmat beliau. Kisahnya menjadi pengajaran dan teladan kepada manusia
- nasihat Luqman kepada anaknya
 - ❖ jgn meakukan syirik
 - ❖ berbuat baik kepada kedua ibu bapa
 - ❖ bersabar terhadap bala bencana
 - ❖ jgn bersombong
 - ❖ melakukan kebaikan dan cegah kemungkaran
 - ❖ menunaikan solat

7.3. Tidak Melakukan Syirik

- syirik ialah menyekutukan Allah atau menyamakan Allah dengan yang lain sama ada dari segi zat, sifat atau perbuatan-Nya
- syirik termasuk dosa besar. Orang yang syirik terbatal iman, ibadat tidak diterima dan mendapat balasan neraka
- bahagian syirik
 - ❖ syirik jali: syirik terang-terangan seperti sembah berhala, sembah pokok dan puja kubur
 - ❖ syirik khafi: syirik tersembunyi (tidak nampak) seperti percaya kepada azimat, tangkal, riak dan takbur

7.4. Berbuat Baik Kepada Ibu Bapa

- sebab anak perlu berbakti kepada ibu bapa
 - ❖ ibu bersusah payah mengandungkan anaknya
 - ❖ ibu bapa menjaga anaknya hingga dewasa dengan penuh kasih sayang
 - ❖ bapa cari nafkah untuk anak

- ❖ sanggup bersusah payah demi kebaikan anak
- contoh beradab dengan ibu bapa
 - ❖ merendahkan suara ketika bercakap dengan mereka
 - ❖ dengar nasihat mereka
 - ❖ mematuhi perintah mereka yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam
 - ❖ sentiasa menggembirakan mereka
- orang yang buat baik kepada ibu bapa akan dapat balasan baik di dunia dan di akhirat manakala orang derhaka akan dapat azab di akhirat

7.5. Menunaikan Kebaikan

- setiap mukmin bertanggungjawab menyeru orang lain kepada kebaikan dan meninggalkan kemungkarannya
- bersyukur dan berterima kasih adalah amalan mulia dan kita hendaklah berterima kasih kepada Allah dan manusia

7.6. Tegahan Bersifat Sombong

- Islam perintahkan kita tegur sapa dan tunjuk wajah manis serta lihat muka ketika berbicara dengan orang lain
- kita perlu berbicara dengan lembut dan berhemah agar pendengar memahami jelas dan menerima dengan hati terbuka

7.7. Sabar Menghadapi Bencana

- kepentingan sabar
 - ❖ memperoleh kejayaan kerana tidak berputus asa
 - ❖ reda hadapi dugaan dan ujian Allah
 - ❖ melakukan pekerjaan dengan cermat dan bersungguh-sungguh
 - ❖ tidak mudah dihasut syaitan

7.8. Pengajaran Ayat

- Allah jadikan kisah Luqman sebagai panduan hidup bagi seluruh umat manusia
- Islam memberi penghormatan tinggi kepada kedua ibu bapa
- umat Islam hendaklah beradab sopan dan berbudi bahasa dalam pergaulan

Bab 8 Makanan Yang Baik

8.1. Intisari Hadis

- Allah perintahkan orang beriman makan makanan baik dan halal
- orang Islam dilarang makan makanan haram kerana datangkan kesan buruk

8.2. Huraian Hadis

- makanan yang sedap dan lazat tidak semestinya halal kerana halalnya sesuatu makanan bergantung kepada cara pemerolehan dan penghasilan
- Kebaikan Makanan Halal
 - ❖ menjaga kesihatan badan
 - ❖ memelihara kewarasan akal
 - ❖ mendpt keberkatan dan keredaan Allah
 - ❖ mempengaruhi perangai dan tingkah laku seseorang
- Ciri-Ciri Makanan Halal
 - ❖ tidak memudarat kesihatan dan kewarasan akal
 - ❖ disembelih dengan nama Allah
 - ❖ diperbuat daripada bahan halal
 - ❖ diusahakan oleh orang islam

8.3. Hikmah Pilih Makanan Dan Minuman Yang Baik

- menjaga kesihatan badan supaya sentiasa sihat dan cergas
- memelihara kewarasan akal
- mendapat pahala kerana ikut sunnah
- doa termakbul

8.4. Hubungan Makanan, Minuman Dan Pakaian Dengan Ibadat

- kita hendaklah prihatin tentukan makanan, minuman dan pakaian agar dan langgar batasan syarak
- Islam suruh umat tutup aurat
- semua berkai rapat dengan ibadat yang kita lakukan
- punca doa sesorg tidak makbul kerana pengambilan makanan dan minuman yang haram serta berpakaian yang tidak tutup aurat

8.5. Rukhsah Makan Dan Minum Yang Haram

- Syarat Diharuskan Makan Dan Minum Yang Haram:
 - ❖ hanya terdapat makanan dan minuman yang haram
 - ❖ makan dan minum sekadar menyelamatkan nyawa
 - ❖ makan atau minum bukan untuk kenyang
- Hikmah Diharuskan Makan Makanan Haram Ketika Darurat

- ❖ dapat jaga nyawa sebagai sesuatu yang berharga
- ❖ memberi kelonggaran kepada umat Islam untuk menyelamatkan nyawa ketika darurat
- ❖ bukti Islam tidak membebankan bahkan memudahkan umat

8.6. Pengajaran Hadis

- umat Islam mestilah prihatin terhadap pengambilan makanan, minuman dan cara berpakaian seharian supaya tidak langgar hukum Allah
- Allah tidak terima doa hamba-Nya yang ambil dan minum yang haram
- kita wajib pakai pakaian yang bersih, sesuai dan tutup aurat
- orang Islam wajib memelihara diri dan keluarganya daripada terjerumus ke lembah kebinasaan

Bab 9 Perpaduan Teras Kemajuan

9.1. Intisari Hadis

- umat Islam dilarang bersikap yang membawa kepada perpecahan seperti hasad dengki, menipu, benci-membenci, berpaling muka dan berjual beli atas jualan orang lain

9.2. Huraian Hadis

- Antara Sikap Mazmumah
 - ❖ dengki (Al-Hasad)
 - ❖ menipu (An-Najasyu)
 - ❖ benci-membenci (Al-Ghadab)
 - ❖ berpaling muka
 - ❖ jual beli atas jualan orang lain
- Sebab Larangan Dalam Hadis
 - ❖ bagi mewujudkan suasana muhibah, kasih sayang dan harmoni dalam masyarakat
 - ❖ untuk semai ikatan persaudaraan yang kuat dan kukuh dalam umat Islam
 - ❖ bagi menghalang perpecahan dalam masyarakat

9.3. Dengki

- dengki ialah perasaan kurang senang atau gelisah melihat kelebihan yang ada pada orang lain dan berharap kelebihan itu hilang padanya
- Keburukan Dengki
 - ❖ menghilangkan amal kebajikan yang dilakukan
 - ❖ menimbulkan pergaduhan
 - ❖ menyebabkan jiwa dan perasaan seseorang tidak tenteram

9.4. Menipu

- perbuatan sama ada melalui tutur kata atau tingkah laku berkaitan dengan muamalat yang dijalankan secara tidak jujur seperti pembeli menawarkan harga yang tinggi pada sesuatu barang sedangkan dia tidak mahu beli
- perbuatan menipu bertujuan menyusahkan orang lain

9.5. Benci-Membenci Dan Berpaling Muka

- perasaan marah atau tidak menyenangkan orang lain
- lahir dari sikap sombong dan angkuh
- orang yang bersifat ini sering gelisah, tidak tenteram dan marah kepada orang lain

9.6. Jual Beli Di Atas Jualan Orang Lain

- membatalkan jualan atau pembelian orang lain untuk kepentingan diri
- perbuatan ini menyebabkan timbul perasaan marah di kalangan penjual dan pembeli yang terlibat
- Jual Beli Atas Jualan Orang Lain Dalam Beberapa Situasi
 - ❖ penjual menawarkan kepada pembeli harga yang lebih murah atau barang yang lebih baik sedangkan pembeli sedang berurusan dengan penjual yang lain
 - ❖ pembeli menawarkan harga yang lebih tinggi kepada penjual sedangkan ketika itu penjual sedang berurusan dengan pembeli lain

9.7. Perpaduan Teras Kejayaan

- Langkah2 Memupuk Ke Arah Perpaduan
 - ❖ memupuk kasih sayang antara anggota masyarakat
 - ❖ amal sikap tolong-menolong dan saling bekerjasama
 - ❖ memelihara hak orang lain dengan menghormati maruah dan budaya mereka
 - ❖ saling ziarah-menziarahi
- Ciri-Ciri Perpaduan Dalam Islam
 - ❖ berteras keimanan kepada Allah
 - ❖ pengamalan akhlak yang mulia
 - ❖ bertujuan ke arah kebaikan bersama

9.8. Pengajaran Hadis

- semua umat Islam adalah bersaudara
- perpaduan sangat penting untuk kemajuan dan kestabilan negara
- kita hendaklah menjauhi perasaan hasad kerana hal ini boleh memecah-belah umat Islam

Bab 10 Perkara-perkara yang Membatalkan Iman

10.1. *Pengertian Iman*

- iman dari segi bahasa bererti percaya. Menurut istilah ahli sunnah wal jamaah ialah membenarkan di hati, mengakui dengan lidah dan beramal dengan anggota
- Kepentingan Dan Keperluan Iman Dalam Kehidupan
 - ❖ membentuk keperibadian Muslim sejati
 - ❖ berani tegakkan kebenaran
 - ❖ sabar dan reda menghadapi rintangan dan dugaan
 - ❖ pencetus semangat jihad

10.2. *Perkara Yang Membatalkan Iman*

- syirik
- kufur
- riddah
- khurafat
- sihir
- nifak

10.3. *Syirik*

- syirik ialah menyekutukan Allah dengan sesuatu pada zat, sifat dan perbuatannya
- syirik boleh berlaku melalui pemujaan, penyembahan atau permintaan kepada sesuatu selain dari Allah
- bahagian syirik
 - ❖ syirik jali: perlakuan syirik terang-terangan seperti sembah berhala, bulan dan sebagainya
 - ❖ syirik khafi: tidak meletakkan Allah sebagai yang mutlak dalam niat atau syirik secara sembunyi seperti percaya kepada tanggal, riak, ujub, takbur

10.4. *Kufur*

- kufur bererti tidak percaya kepada Allah serta mengingkari ajaran yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.
- orang yang melakukannya adalah kafir
- Bahagian Kufur
 - ❖ kufur hakikat: ingkar atau menafikan rukun iman dan menolak syariat yang dibawa Rasulullah. Contoh: tidak mengakui adanya balasan di akhirat, tolak hukum yang ada dalam al-Quran dan menyatakan solat membuang masa
 - ❖ kufur nikmat: mengingkari pencipta atau Allah sebagai pemberi nikmat kepada manusia dan makhluk ciptaan-Nya seperti guna nikmat ke jalan maksiat, tidak mengeluarkan zakat/sedekah dan sebagainya
- Faktor2 Kufur
 - ❖ pegangan agama lemah

- ❖ terpengaruh dengan hawa nafsu yg ingin keseronokan dan kebebasan
- ❖ terlalu mengejar kesenangan dunia hingga ketepikan agama
- ❖ kesempitan hidup menyebabkan seseorang sanggup melakukan perbuatan kufur untuk memenuhi keperluan hidup

10.5. Riddah

- riddah bererti berpaling atau keluar daripada agama Islam. Orang yang keluar agama Islam dihukum murtad
- Murtad Boleh Berlaku Dalam 3 Perkara:
 - ❖ iktikad (hati): berniat hendak keluar Islam
 - ❖ perkataan: mengisytihar keluar Islam
 - ❖ perbuatan: menganut agama selain Islam
- Faktor Riddah:
 - ❖ lemah pegangan agama
 - ❖ jahil tentang akidah dan hukum-hakam Islam
 - ❖ terpengaruh dengan tawaran kebendaan
 - ❖ tidak bimbingan memahami Islam
- Kesan Riddah
 - ❖ perkahwinan terbatal
 - ❖ haram menerima harta pusaka daripada waris beragama Islam
 - ❖ hartanya haram dipusakai oleh ahli waris beragama Islam
 - ❖ menjadi penghuni neraka selama-lamanya
- Cara Menangani Orang Murtad
 - ❖ memberi nasihat supaya bertaubat dan kembali kepada Islam
 - ❖ memberi perlindungan atau bantuan sekiranya dia golongan muallaf
 - ❖ melaksanakan hukum hudud (bunuh)
- Hikmah Hukuman Bunuh Kepada Orang Murtad
 - ❖ memberi amaran bahawa Islam tidak boleh dipermainkan
 - ❖ menghindar masyarakat Islam daripada huru-hara dan berpecah-belah
 - ❖ menghalang perbuatan yang mencemarkan kesucian Islam dan perkara-perkara yang memburukkannya

10.6. Khurafat

- khurafat ialah kepercayaan karut yang bertentangan dengan konsep tauhid dan syariat Islam
- Contoh Perbuatan Khurafat
 - ❖ mempercayai azimat atau tangkal boleh memberi kesan kepada pemakainya
 - ❖ membuang anjak bagi menghalau hantu
 - ❖ mempercayai suara burung hantu boleh membawa tuah atau sial
 - ❖ mempercayai kubur yang dianggap keramat
- Faktor Khurafat Masih Berterusan

- ❖ iman kurang matap terhadap Allah
- ❖ terpengaruh dengan masyarakat yang biasa amalkan khurafat
- ❖ ambil langkah mudah cepat kaya
- ❖ wujud tempat pemujaan khurafat
- Cara Mengatasi Khurafat
 - ❖ menggiatkan usaha dakwah dan majlis ilmu
 - ❖ mengenakan hukuman berat terhadap pihak yang terlibat
 - ❖ memberi kesedaran tentang keburukan khurafat
 - ❖ mengawasi dan menghapuskan tempat yang dianggap keramat
- Kesan Buruk Khurafat
 - ❖ menyebabkan syirik dan terbatal iman
 - ❖ membazir masa, tenaga, harta
 - ❖ masyarakat mundur dengan khayalan sia-sia
 - ❖ menyekat akal berfikir logik dan sistematik

10.7. Sihar

- sihir ialah ilmu yang berkaitan perbuatan secara halus melalui pertolongan makhluk ghaib iaitu dengan bantuan jin dan syaitan
- sihir bertujuan memudarat dan mengelirukan manusia
- Akibat Sihir
 - ❖ merosakkan akidah dan membatalkan iman
 - ❖ memecah belah masyarakat dan menimbulkan fitnah
 - ❖ pengamal sihir takbur dan berani berlaku zalim
 - ❖ membazir wang, masa, tenaga

10.8. Nifak

- .nifak bererti berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hati tetap kufur kepada Allah
- orang yang melakukannya digelar munafik
- Ciri-Ciri Munafik
 - ❖ bercakap bohong
 - ❖ khianat apabila diberi amanah
 - ❖ mungkir janji
 - ❖ melampau batas apabila bertengkar
- Akibat Buruk Munafik
 - ❖ menghilangkan sikap percaya-mempercayai
 - ❖ melemahkan perpaduan masyarakat
 - ❖ menghancurkan kekuatan umat Islam
 - ❖ menghalang usaha pembangunan masyarakat Islam

Bab 11 Dosa-Dosa Besar Yang Membawa Kemurkaan Allah

11.1. Dosa-dosa besar

- Pengertian Dosa
 - ❖ Dosa ialah balasan buruk kerana melakukan larangan Allah S.W.T. dan meninggalkan suruhan-Nya.
 - ❖ Orang yang akil baligh yang melanggar hukum Allah digelar 'Asi.
- **Dua Jenis Dosa:**
 - ❖ Dosa besar:kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan di akhirat seperti minum arak, berzina, membunuh
 - ❖ dosa kecil: kesalahan yang tidak diberikan peruntukan hukuman tertentu di dunia atau amaran azab di akhirat seperti bercakap yang sia-sia
- **Faktor Manusia Melakukan Dosa**
 - ❖ terpengaruh dengan perangai kawan yang jahat
 - ❖ ingin kehidupan bebas tanpa batasan agama
 - ❖ angkuh dan saombong kerana harta dan pangkat yang dimiliki
 - ❖ memandang ringan dengan peringatan azab di akhirat
- **Dosa-Dosa Besar Yang Mesti Dihindari**
 - ❖ **Menghina Dan Menderhaka Ibu Bapa**
 - ❖ **Antara Perbuatan Menderhaka Kepada Ibu Bapa**
 - ✓ melawan percakapan mereka
 - ✓ meniggikan suara ketika bercakap
 - ✓ tidak dengar nasihat dan teguran mereka
 - ✓ melayan mereka dengan kasar
- **Menipu Dan Berbohong**
 - ❖ menipu ialah melakukan helah untuk kepentingan diri sendiri dan memudaratkan orang lain
 - ❖ berbohong ialah tidak jujur atau memalsukan sesuatu maklumat
 - ❖ menipu boleh terjadi melalui kata-kata dan perbuatan seperti memalsukan dokumen
- **Mencuri Dan Merompak**
 - ❖ mencuri ialah mengambil hak orang lain secara sembunyi yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin. Hukuman hududnya dipotong tangan
 - ❖ merompak ialah mengambil hak orang lain secara kekerasan yang disimpan di tempat simpanannya tanpa izin
- **Kesan Perbuatan Mencuri Dan Merompak**
 - ❖ masyarakat hidup tidak aman dan tenteram
 - ❖ dipandang hina oleh orang
 - ❖ dipulau dan disisihkan masyarakat
 - ❖ timbul pergaduhan dan permusuhan
 - ❖ negara tidak aman dan tenteram
- **Riba**

❖ riba ialah faedah, lebih atau pertambahan bayaran dalam proses pertukaran barang, wang, hutang-piutang dan sebagainya

❖ **Jenis2 Riba**

- ✓ riba Al-fadl: pertambahan berlaku kerana pertukaran barang yang sama jenis seperti pertukaran beras dengan beras
- ✓ riba an-nasiah: pertambahan yang berlaku kerana menangguhkan tempoh bayaran

❖ **Hikmah Pengharaman Riba**

- ✓ membanteras kezaliman dan penindasan sesama manusia
- ✓ mewujudkan kestabilan ekonomi
- ✓ melahirkan sikap bantu-membantu dan tolong menolong
- ✓ mencegah sifat pentingkan diri sendiri

• **Makan Harta Anak Yatim**

- ❖ anak yatim ialah kanak-kanak yang kematian bapa sebelum umur baligh
- ❖ menjaga harta anak yatim adalah amanah dari Allah
- ❖ **Sebab Dilarang Makan Harta Anak Yatim**

- ✓ anak yatim akan kehilangan punca pendapatan apabila dewasa
- ✓ mengelakkan anak yatim hidup terbiar kerana tiada harta
- ✓ mengelakkan berlakunya permusuhan yang memeutuskan silaturahim
- ✓ mencabuli hak anak yatim sebagai pewaris harta

• **Lari Dari Medan Perang**

- ❖ perang jihad ialah peperangan antara orang Islam dengan kafir bagi mempertahankan kesucian agama Islam
- ❖ setiap rakyat yang baligh dan berakalserta berkeupayaan menyertai jihad wajib mempertahankan kesucian Islam
- ❖ orang yang lari dari medan perang adalah berdosa besar
- ❖ **Akibat Lari Dari Medan Perang**
 - ✓ dipandang hina
 - ✓ umat Islam ditindas
 - ✓ balasan neraka
 - ✓ merendah martabat agama dan umat

• **Mengumpat Dan Memfitnah**

- ❖ mengumpat bererti mengata atau menceritakan keburukan seseorang semasa ketiadaannya dan boleh menimbulkan kemarahan apabila dia mendengarnya
- ❖ memfitnah ialah melemparkan tuduhan kepada seseorang tanpa bukti
- ❖ **Sebab Mengumpat Dan Memfitnah**
 - ✓ ingin lihat orang menderita dan susah
 - ✓ tidak mahu mengakui kelebihan orang

- ✓ takut persaingan hidup
- ✓ sikap buruk sangka terhadap orang
- ❖ **Akibat Mengumpat Dan Memfitnah**
 - ✓ dibenci dan dipandang hina
 - ✓ berlaku pergaduhan dan permusuhan
 - ✓ masyarakat Islam mundur
 - ✓ hidup menderita dunia dan akhirat
- ❖ **Cara Mengatasinya**
 - ✓ menyemai kasih sayang sesama Islam
 - ✓ reda dengan ketentuan Allah
 - ✓ sentiasa muhasabah diri
 - ✓ meningkatkan diri dengan ilmu pengetahuan dan beramal soleh

11.2. Dosa-Dosa Besar Yang Membawa Kehancuran Umat

- **Minum Arak Dan Menagih Dadah**
 - ❖ arak ialah minuman yang memabukkan yang diperbuat daripada buah yang diperam
- **Faktor Minum Arak**
 - ❖ arak mudah didapati
 - ❖ terpengaruh dengan rakan yang liar
 - ❖ . tiada penguatkuasaan undang-undang
- dadah pula ialah sejenis bahan yang mengkhayalkan dan menghilangkan daya fikir seseorang
- hukuman hudud terhadap peminum arak ialah disebut 40X
- **Hikmah Pengharaman Arak Dan Dadah**
 - ❖ menjaga kewarasan akal fikiran
 - ❖ elak berlaku pergaduhan dan permusuhan
 - ❖ kekalkan kesihatan fizikal dan mental
 - ❖ mengelak penyakit berbahaya seperti AIDS dan sebagainya
- **Langkah Pencegahan**
 - ❖ menagmbil tindakan undang-undang terhadap pihak terlibat
 - ❖ iba bapa hendaklah prihatin dengan kehidupan anak-anak
 - ❖ kempen tentang bahaya arak dan dadah
 - ❖ amal gaya hidup sihat dengan adakan aktiviti kemasyarakatan, riadah dan sebagainya
- **Kesan Minum Arak Dan Menagih Dadah**

- ❖ **Terhadap Individu**
 - ✓ membazir wang, masa, harta
 - ✓ menjatuhkan maruah diri dan keluarga
 - ✓ terdedah kepada jenayah
 - ✓ lalai daripada mengingati Allah
- ❖ **Terhadap Negara Dan Masyarakat**
 - ✓ menjadi mundur dan tidak tenteram
 - ✓ banyak wang negara dihabiskan bagi sediakan pusat pemulihan
 - ✓ hilang tenaga kerja yang boleh membangunkan masyarakat
 - ✓ terdedah kepada penjajahan dan penindasan kuasa asing

11.2.2. Zina

- zina ialah melakukan persetubuhan haram antara lelaki dengan perempuan tanpa ikatan yang sah
- **Faktor Zina**
 - ❖ kurang pendidikan agama
 - ❖ pergaulan bebas lelaki dan perempuan
 - ❖ mengunjungi tempat maksiat
 - ❖ membaca dan menonton bahan lucah
- **Kesan Zina**
 - ❖ menjatuhkan maruah diri dan keluarga
 - ❖ mendapat kemurkaan Allah dan mengundang bala
 - ❖ penyakit berbahaya seperti AIDS, sifilis dan sebagainya
 - ❖ lahir generasi keluarga yang tidak jelas keturunannya
- **Hukuman Penzina**
 - ❖ penzina yang berkahwin dengan cara sah (muhsin) direjam hingga mati
 - ❖ penzina yang belum berkahwin disebat 100X sebatan
- **Menuduh Zina (Qazaf)**
 - ❖ menuduh seseorang yang baik berzina tanpa 4 orang saksi yang adil
 - ❖ hukumannya 80X sebatan
- **Syarat Dikenakan Hukuman Kepada Penuduh Zina:**
 - ❖ berakal
 - ❖ baligh
 - ❖ atas kemahuan sendiri (tidak dipaksa)
 - ❖ mengetahui haramnya qazaf
 - ❖ bukan bapa atau datuk kepada yang dituduh

11.2.4. Liwat Dan Musahaqah

- liwat ialah hubungan sejenis antara lelaki dengan lelaki (homoseks/gay)
- musahaqah ialah hubungan antara perempuan dengan perempuan (lesbian)
- **Faktor Berlakunya Liwat Dan Musahaqah**
 - ❖ terpengaruh dengan budaya liar
 - ❖ membaca dan melihat bahan lucah
 - ❖ tiada undang-undang tegas

- ❖ kurang didikan dan pengetahuan agama
- **Akibat Liwat Dan Musahaqah**
 - ❖ institusi perkahwinan runtuh
 - ❖ dijangkiti penyakit seperti AIDS dan sifilis
 - ❖ dapat balsa azab di akhirat
 - ❖ maruah diri, masyarakat, agama tercemar

11.2.5. Membunuh Diri

- melakukan perbuatan yang boleh memisahkan roh daripada jasad sendiri
- **Punca Bunuh Diri**
 - ❖ kecewa dengan rahmat Allah
 - ❖ anggap bahawa bunuh diri jalan penyelesaian terhadap masalah
 - ❖ tidak sanggup menghadapi kegagalan hidup
- **Cara Mengatasi Bunuh Diri**
 - ❖ hendaklah yakin dengan rahmat Allah
 - ❖ berusaha memajukan diri dengan syariat Islam
 - ❖ memberi pendidikan agama sejak kecil
 - ❖ mengingati bahawa dunia adalah sementara, akhirat adalah kekal abadi

Bab 12 Tuntutan Taubat

- **maksud taubat**
 - ❖ taubat ertinya kembali semula taat kepada Allah setelah menyesal melanggar perintah-Nya.
- **Syarat-syarat Taubat**
 - ❖ menyesal terhadap maksiat yang dilakukan
 - ❖ berhenti melakukan perbuatan tersebut dengan segera
 - ❖ berazam tidak akan ulang perbuatan tersebut
 - ❖ memohon maaf jika kesalahan tersebut berkaitan manusia
- **Hikmah Taubat**
 - ❖ memberi peluang kepada orang yang berdosa kembali ke jalan Allah
 - ❖ memberi ketenangan hati kepada Muslim yang bertaubat
 - ❖ mendapat keampunan serta petunjuk Allah

Bab 13 Lambaian Kaabah

13.1. Kewajipan Haji Dan Umrah

- **Pengertian Haji Dan Umrah**
 - ❖ haji dari segi bahasa bermaksud mengunjungi tempat yang mulia.
 - ❖ dari segi istilah syarak haji bermaksud mengunjungi Baitullah Haram di Makkah kerana mengerjakan ibadat tertentu dengan syarat-syarat tertentu
 - ❖ umrah dari segi bahasa ialah ziarah

- ❖ umrah dari segi istilah syarak ialah menziarahi Baitullah kerana mengerjakan ibadat tertentu pada bila-bila masa mengikut syarat-syarat tertentu
- **Upah Haji**
 - ❖ upah haji bermaksud melakukan ibadat haji bagi pihak orang lain
 - ❖ hukumnya harus sekiranya seseorang memenuhi syarat-syarat wajib menunaikan haji tetapi tidak dapat mengerjakannya kerana sebab-sebab tertentu
- **Sebab Diharus Upah Haji**
 - ❖ meninggal dunia
 - ❖ tidak berkeupayaan fizikal seperti uzur, terlalu tua dan sakit yang tiada harapan untuk sembuh
- **Hikmah Upah Haji**
 - ❖ memberi peluang kepada orang sakit atau orang tua yang terlalu uzur menyempurnakan haji
 - ❖ anak atau ahli keluarga dapat berbakti kepada ibu bapa atau saudara maranya
 - ❖ orang tua yang hilang upaya dapat mengupah orang lain mengerjakan haji bagi pihaknya
- Hikmah Haji
- **Terhadap Individu**
 - ❖ menghapuskan dosa-dosa kecil
 - ❖ membersihkan jiwa dari maksiat
 - ❖ meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah
 - ❖ melatih diri bersifat sabar
- **Terhadap Masyarakat**
 - ❖ dapat saling berkenalan sesama umat Islam
 - ❖ membantu mempertingkatkan ekonomi umat Islam
 - ❖ menjalinkan silaturahim dan membentuk perpaduan di kalangan umat
 - ❖ menyatukan umat tanpa kira bangsa dari seluruh dunia

13.2. Cara Menyempurnakan Ibadat Haji Dan Umrah

- **Syarat-Syarat Haji**
 - ❖ **Syarat-Syarat Mewajibkan Haji**
 - ✓ Islam
 - ✓ baligh
 - ✓ berakal
 - ✓ berkuasa
 - ✓ merdeka
 - ❖ **Maksud Berkuasa (Istita'ah)**
 - ✓ sihat tubuh badan
 - ✓ cukup perbelanjaan pergi dan balik

- ✓ mempunyai nafkah yang mencukupi untuk tanggungan yang ditinggalkan
- ✓ mempunyai kenderaan pergi balik
- ✓ terjamin keselamatan pergi balik
- ✓ ada kesempatan masa
- ✓ mendapat izin daripada suami bagi isteri dan ditemani 2 orang mahram

- **Rukun Haji**

- ❖ rukun haji ialah amalan yang mesti dilakukan dalam haji, jika tertinggal, haji tidak sah dan wajib diulang pada masa akan datang
- ❖ **Rukun-Rukun Haji**
 - ✓ **Niat Ihram:** niat haji di miqat setelah memakai ihram
 - ✓ **Wukuf Di Padang Arafah:** berada di Padang Arafah walaupun hanya sekejap antara gelincir matahari 9 Zulhijah hingga terbit fajar pada 10 Zulhijah
 - ✓ **Tawaf:** mengelilingi Kaabah 7X dengan syarat-syarat tertentu untuk beribadat kepada Allah.
 - ✓ **Jenis Tawaf**
 - ☒ **Tawaf Qudum:** tawaf selamat datang. Sunat kepada yang baru sampai
 - ☒ **Tawaf Ifadah:** tawaf rukun yang wajib kepada jemaah haji
 - ☒ **Tawaf Wadak:** tawaf selamat tinggal. Sunat dilakukan oleh jemaah haji yang hendak meninggalkan Makkah
 - ☒ **Tawaf Sunat:** tawaf yang boleh dilakukan bila-bila masa
 - ✓ **Syarat-Syarat Tawaf**
 - ☒ tutup aurat
 - ☒ suci dari hadas besar
 - ☒ 7X, dimulakan di penjuru hajarul aswad
 - ☒ menjadikan Baitullah di sebelah kiri
 - ☒ dilakukan di dalam Masjidil Haram
 - ✓ **Sai:** berjalan berulang alik dari bukit Safa ke Marwah 7X selepas tawaf
 - ✓ **Syarat-Syarat Sai**
 - ☒ dimulakan dari Safa dan disudahi di Marwah
 - ☒ dilakukan 7X dengan yakin
 - ☒ dilakukan selepas tawaf rukun
 - ☒ dilakukan dengan perjalanan biasa, bukan menonggeng kepala atau melintang
 - ☒ niat sai ketika di Bukit Safa
 - ✓ **Bercukur:** bercukur atau bergunting rambut sekurang-kurangnya 3 helai rambut
 - ✓ **Tertib:** melakukan rukun-rukun ikut susunan

- **Hikmah Rukun Haji**

- ❖ **Niat**

- ☒ dapat tumpukan sepenuh perhatian kepada Allah

- ❖ **Wukuf**

- ☒ mengingatkan semula peristiwa pertemuan Nabi Adam dengan Hawa
- ☒ menimbulkan keinsafan bahawa semua manusia sama di sisi Allah
- ☒ mengngatkan kita pada perhimpunan agung di Padang Mahsyar

- ❖ **Tawaf**

- ☒ memantapkan keimanan kepada Allah dan menumpukan perhatian terhadap keagungan-Nya

- ❖ **Sai**

- ☒ mendidik manusia supaya tabah dan cekal dalam melakukan sesuatu pekerjaan
- ☒ mengambil iktibar peristiwa Siti Hajar cari air untuk anaknya

- ❖ **Bercukur**

- ☒ sebagai simbol membersihkan diri daripada segala sifat tercela
- ☒ menghapuskan dosa

- ❖ **Tertib**

- ☒ mendidik umat berdisiplin dalam setiap pekerjaan

13.3. _____ *Wajib Haji Dan Umrah*

- **Wajib Haji**

- ❖ Wajib haji ialah amalan yang wajib dilakukan oleh jemaah haji. Jika tertinggal salah satu, haji tetap sah tetapi dikenakan dam/denda

- ❖ perkara wajib haji :

- ✓ **Berniat Di Mikat**

- Mikat ialah sempadan tempat atau masa yang ditentukan untuk berniat ihram atau umrah
- **Mikat terbahagi kepada 2**

-Mikat Zamani: sempadan masa bagi jemaah haji memulakan niat ihram. Mikat ini bermula dari bulan Syawal hingga sebelum terbit fajar kedua pada hari ke10 bulan Zulhijah

-Mikat Makani: sempadan tempat bagi jemaah haji memulakan niat

- ✓ **Bermalam Di Muzdalifah**

- Muzdalifah ialah tempat antara Arafah dengan Mina. Jemaah haji mesti berada di Muzdalifah selepas separuh mlm ke10 Zulhijah

- ✓ **Melontar Jamratul Aqabah**
 - waktu melontar ialah selepas tengah mlm pada 10 Zulhijah dan berlanjutan sehingga terbenam matahari 13 Zulhijah
- ✓ **Bermalam Di Mina**
 - bermalam di Mina pada hari Tasyrik 11, 12, 13 Zulhijah
- ✓ **Melontar Ketiga-3 Jamrah**
 - melontar di Jamratul Ula, Jamratul wusta dan jamratul Aqabah guna 7 biji anak batu setiap jamrah
- ✓ **Meninggalkan Perkara-Perkara Yang Dilarang Semasa Ihram**

13.3.2. Sunat Haji

- mandi sunat ketika hendak niat ihram
- solat 2 rakaat sebelum niat ihram
- memakai pakaian ihram berwarna putih
- memotong kuku
- memperbanyak ucapan talbiah
- bermalam di Mina pada malam hari
- berturut-turut 7 pusingan tawaf
- memperbanyak bacaan tahmid, zikir dan doa
- keluar ke tempat sai melalui pintu Safa

13.3.3. Perkara Yang Dilarang Ketika Ihram

- memakai pakaian berjahit bagi lelaki
- memakai wangi-wangian
- memotong kuku
- memotong rambut atau menghilangkan bulu pada anggota badan
- menutup kepala bagi lelaki
- menutup muka dan 2 tapak tangan bagi wanita
- memakai minyak rambut
- bernikah atau menikahkan

13.3.4. Hikmah Larangan Haji

- manusia adalah sama sahaja di sisi Allah
- menguji keimanan dan kesabaran manusia dalam melakukan ibadat kepada Allah
- jemaah haji dapat memberikan tumpuan dan perhatian kepada ibadat yang dilakukan
- jemaah haji dapat melupakan perkara dunia semasa beribadat
- melatih umat Islam supaya lebih berdisiplin

13.4. _____ Cara Mengerjakan Haji Dan Jenis Dam

- **Cara Mengerjakan Haji**

Cara	Pengertian	Kebaikan
Haji ifrad	Mengerjakan haji dan umrah secara berasingan sama ada umrah dahulu atau haji dahulu, kemudian umrah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ cara yang lebih afdal ▪ tidak dikenakan dam ▪ jemaah haji mengambil masa yang panjang untuk mengerjakan haji
Haji tamattuk	Mengerjakan umrah dahulu pada bulan haji diikuti dengan mengerjakan haji	<ul style="list-style-type: none"> ▪ boleh meninggalkan ihram umrah ▪ dikenakan dam ▪ jemaah haji ada kelapangan dan keselesaan
Haji qiran	Mengerjakan haji dan umrah secara serentak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ mengambil masa singkat ▪ dikenakan dam ▪ memberi kemudahan dan kesenangan kepada jemaah haji

- **Dam**

- ✓ dam dari segi bahasa ialah darah. Dari segi ibadat haji ialah denda yang dikenakan kepada jemaah haji yang melakukan perkara-perkara berikut:
 - melakukan kesalahan semasa mengerjakan haji atau umrah
 - meninggalkan perkara wajib haji atau umrah
 - melakukan perkara yang dilarang semasa ihram

- ✓ **Jenis-Jenis Dam**

- **Tertib:** dam dibayar ikut susunan
- **Takdil:** dam dibayar ikut nilai harga dam
- **Takdir:** dam dibayar ikut kadar yang ditentukan ikut kemampuan
- **Takhyir:** dibolehkan memilih mana-mana jenis dam yang ditetapkan oleh syarak

- **Kesalahan Dan Jenis Dam**

Jenis dam	Kesalahan	Dam
Tertib dan takdil	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bersetubuh sebelum tahalul awal bagi haji ▪ dikepung atau ditahan sebelum masuk Makkah setelah niat ihram 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sembelih seekor unta, jika tidak mampu ▪ sembelih seekor lembu, jika tidak mampu ▪ sembelih 7 ekor kambing, jika tidak mampu ▪ membeli makanan dengan nilai

		<p>seekor unta, jika tidak mampu</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ berpuasa ikut jumlah bilangan cupak makanan nilai seekor unta, jika tidak mampu ▪ menyembelih seekor kambing, jika tidak mampu ▪ membeli makanan yang sama nilainya, jika tidak mampu ▪ berpuasa ikut jumlah bilangan cupak makanan yang dibeli dengan nilai seekor kambing
Tertib dan takdir	<ul style="list-style-type: none"> ▪ melakukan haji tamattuk dan haji qiran ▪ tidak wukuf di Arafah ▪ tidak melakukan perkara wajib haji ▪ tidak melakukan tawaf Widak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menyembelih seekor kambing, jika tidak mampu ▪ berpuasa 10 hari iaitu 3 hari di Makkah dan 7 hari setelah kembali ke tanah air
Takhyir dan takdil	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memburu dan mengusir binatang buruan ▪ memotong, menebang, atau mencabut pokok di tanah haram yang tumbuh sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sembelih binatang yang sama dengan binatang yang diburu ▪ memberi sedekah makanan mengikut nilai binatang yang disembelih ▪ berpuasa ikut bilangan cupak makanan yang boleh dibeli dengan nilai binatang sembelihan
Takhyir dan takdir	<ul style="list-style-type: none"> ▪ mencabut mana-mana bulu atau memotong rambut ▪ memotong kuku ▪ memakai pakaian yang dilarang semasa ihram ▪ memakai minyak rambut ▪ memakai bau-bauan ▪ melakukan perkara yang 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ boleh pilih: ▪ menyembelih seekor kambing atau ▪ bersedekah kepada enam orang fakir miskin dengan 2 cupak seseorang atau ▪ berpuasa 3 hari

	<p>mendorong kepada persetubuhan</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ bersetubuh kali kedua ▪ bersetubuh selepas tahalul pertama 	
--	--	--

- **Hikmah Dam**

- ✓ jemaah haji dapat menunaikan haji dengan teratur
- ✓ bersungguh-sungguh-sungguh menumpukan perhatian semasa ibadat haji
- ✓ sentiasa berdisiplin dalam menunaikan ibadat haji
- ✓ manusia bertanggungjawab atas kesalahannya

Bab 14 Sembelihan

14.1. Pengertian Sembelihan

- menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan dengan cara memutuskan urat halkum dan merah dengan menggunakan alat yang tajam dengan niat kerana Allah
- sembelihan wajib dengan tujuan dimakan dagingnya

14.2. Rukun Sembelihan

- **Penyembelih**
 - ❖ Islam
 - ❖ tidak dalam ihram haji atau umrah
- **Binatang Yang Disembelih**
 - ❖ halal dimakan
 - ❖ mati dengan sekali sembelihan (putus urat halkum dan urat merah)
- **Alat Sembelihan**
 - ❖ benda yang tajam kecuali gigi, tulang, kuku, rambut, tali
- bagi orang Islam yang berada di negeri ahli kitab, mereka diharuskan makan daging sembelihan ahli kitab

14.3. Syarat Sah Sembelihan

- niat sembelih kerana Allah
- memutuskan urat halkum dan urat merah
- menggunakan alat-alat sembelihan tajam selain tulang, gigi, rambut
- menyembelih binatang yang halal dimakan dan masih hidup
- binatang yang disembelih mati dengan sekali sembelihan
- disembelih orang Islam atau ahli kitab
- tidak dilakukan semasa berada dalam ihram haji atau umrah

14.4. Perkara-Perkara Sunat Sembelihan

- menyebut nama Allah
- menggunakan alat sembelihan yang tajam
- melakukan sembelihan di siang hari
- memutuskan kedua-dua urat yang terletak di kiri dan di kanan leher supaya lebih cepat mati
- menghadapkan binatang ke arah kiblat dengan membaringkannya ke sebelah ke sebelah rusuk kiri

14.5. Perkara-Perkara Makruh Sembelihan

- alat sembelihan yang tumpul
- menampakkan alat sembelihan kepada binatang sembelihan
- melakukan sembelihan di hadapan binatang lain yang hendak disembelih
- tidak menghadap kiblat
- tidak membaca basmalah
- mematahkan leher binatang sembelihan sebelum nyawanya hilang

14.6. Hikmah Sembelihan

- boleh mematikan binatang dengan cara cepat dan selamat
- memastikan daging yang dimakan bersih dan bermutu
- sembelihan dengan nama Allah untuk memelihara akidah
- membezakan antara daging yang halal dengan daging yang haram
- dapat mengeluarkan semua darah binatang dengan cepat dan membersihkan daging daripada darah yang mengalir bagi menghindari penyakit

Bab 15 Korban Amalan Mulia

- **Pengertian Korban**
 - ❖ menyembelih binatang ternakan (Al-an'am) yang dilakukan pada hari Aidiladha atau hari Tasyrik dengan tujuan beribadat kepada Allah
 - ❖ hukumnya sunat muakkad bagi yang mampu dan wajib bagi yang bernazar
 - ❖ waktu menyembelih adalah lepas naik matahari pada hari raya korban dan berakhir apabila terbenam matahari pada hari 13 Zulhijah.
- **Sunat-Sunat Korban**
 - ❖ membaca basmalah atau bertakbir.
 - ❖ Membaca selawat kepada Nabi Muhammad s.a.w.
 - ❖ Menghadap binatang ke arah kiblat.
 - ❖ memilih binatang yang gemuk.
 - ❖ menyembelih sendiri bagi lelaki
- **Syarat-Syarat Sah Korban**
 - ❖ mengorbankan binatang yang cukup umur
 - ❖ melakukan sembelihan pada waktu korban
 - ❖ sembelihan oleh orang Islam
 - ❖ mengorbankan binatang yang sihat dan tidak cacat

- ❖ niat korban kerana Allah
- ❖ binatang ternakan halal dimakan
- **Binatang Yang Dijadikan Korban**
 - ❖ biri2 atau kibas berumur 1 tahun atau lebih
 - ❖ kambing, sapi, lembu, kerbau berumur 2 tahun atau lebih
 - ❖ unta berumur 5 tahun atau lebih
- **Pengagihan Daging Korban**
 - ❖ daging hendaklah dibahagikan kepada orang Islam terutamanya fakir miskin setempat
 - ❖ sebahagiannya boleh dimakan oleh orang yang berkorban
 - ❖ daging korban haram diberikan pada orang kafir
- **Cara Pengagihan Daging Korban Yang Terbaik-Baiknya:**
 - ❖ 1/3 disedekah kepada fakir miskin
 - ❖ 1/3 untuk orang ramai
 - ❖ 1/3 dimakan oleh orang yang berkorban
- **Hikmah Berkorban**
 - ❖ mengingati pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail
 - ❖ menimbulkan rasa kesyukuran atas nikmat Allah
 - ❖ memupuk perasaan muhibbah dan silaturahim
 - ❖ fakir miskin berpeluang bersama-sama menikmati daging korban

Bab 16 Akikah

16.1. _____ Pengertian Akikah

- menyembelih binatang ternakan yang dilakukan ketika mencukur rambut bayi yang lahir sebagai tanda kesyukuran kepada Allah
- hukumnya sunat muakkad dan wajib jika bernazar
- **Sebaik-Baik Akikah:**
 - ❖ 2 ekor kambing untuk bayi lelaki
 - ❖ 1 ekor kambing untuk bayi perempuan
- akikah afdal dilakukan pada hari ke 7 tapi boleh dikemudiankan asalkan belum baligh. Jika sudah baligh boleh melakukan akikah untuk diri sendiri

16.2. _____ Syarat-Syarat Akikah

- niat akikah ketika menyembelih
- menyembelih binatang ternakan yang halal dan tidak cacat
- menyembelih binatang yang cukup umur
- memenuhi syarat-syarat sembelihan

16.3. _____ Daging Sembelihan Akikah

- tidak wajib disedekahkan kepada fakir miskin

- sunat dimasak manis dan dibuat jamuan
- sunat tidak mematah-matahkan tulang akikah
- . mencukur rambut bayi selepas penyembelihan binatang akikah
- dilakukan hari ke7 kelahiran bayi

16.4. Hikmah Akikah

- tanda kesyukuran kepada Allah atas kurniaan zuriat
- mengeratkan silaturahim di kalangan masyarakat
- mendekatkan bayi yang baru lahir dengan penghayatan Islam
- menghebahkan kepada anggota masyarakat tentang anugerah yang dikurniakan Allah

Bab 17 Jual Beli dan Sewa

17.1. Pengertian Jual Beli

- jual beli (Al-Bai') ialah menukarkan barang dengan barang ikut cara yang tertentu
- hukum jual beli adalah harus

17.2. Rukun Jual Beli

- **Penjual Dan Pembeli**
 - ❖ mukallaf
 - ❖ kemahuan sendiri
 - ❖ merdeka
 - ❖ bukan golongan yang ditahan hartanya (bankrap)
 - ❖ beragama Islam
- **Barang**
 - ❖ bersih dan suci
 - ❖ berfaedah
 - ❖ kepunyaan penjual atau wakilnya
 - ❖ tahu jenis, kadar dan sifat barang jualan
- **Harga**
 - ❖ bersih
 - ❖ milik pembeli
 - ❖ tahu jenis mata wang yang digunakan
- **Ijab Dan Kabul**
 - ❖ tidak diselangi dengan perbuatan lain
 - ❖ bersamaan ijab dan kabul walaupun berlainan lafaz
 - ❖ tidak boleh dihadkan masa
 - ❖ tidak boleh ditaklikkan

17.3. Jenis-Jenis Jual Beli

- **Jual Beli Yang Dilarang Dan Tidak Sah**

- ❖ haram menjual atau memperdagangkan benda yang disimpan bagi tujuan maksiat seperti menjual patung berhala, babi, arak dan sebagainya
- ❖ tidak dimiliki dengan sempurna seperti menjual burung2 di udara atau ikan di laut
- ❖ menjual buah yang masih muda dan belum nyata masakannya
- ❖ menjual daging dengan daging
- ❖ menjual suatu barang dengan bersyarat
- **Jual Beli Yang Dilarang Tetapi Sah**
 - ❖ membeli barang dengan tujuan menyekat pembelian orang lain daripada membeli barang tersebut
 - ❖ membeli barang yang sedang dibeli oleh orang lain walaupun masih dalam tempoh pilihannya
 - ❖ menipu semasa menjual sama ada melalui sukatan, timbangan dan sebagainya
 - ❖ membeli barang supaya orang lain tidak dapat menjualnya (monopoli)
 - ❖ berjual beli barang yang halal tetapi digunakan untuk maksiat

17.4. Sewa

- sewa (Al-Ijarah) adalah satu perjanjian untuk memiliki manfaat atau faedah dari suatu barang yang diterima dengan bayaran yang sesuai mengikut perjanjian yang ditentukan
- hukumnya harus
- **Rukun Sewa**
 - ❖ **Penyewa**
 - ✓ akil baligh
 - ✓ kemahuan sendiri
 - ✓ kedua-duanya tidak bersifat membazir
 - ❖ **Bayaran Sewa**
 - ✓ dengan wang
 - ✓ wang bayaran dikehui oleh kedua-dua pihak dari segi kadar, jenis dan sifatnya
 - ❖ **Manfaat**
 - ✓ berharga
 - ✓ diketahui kadar dan jangka masa
 - ✓ dapat diberikan oleh yang mengambil upah
- **Syarat Sah Sewa**
 - ❖ kedua-dua pihak bersetuju mengadakan kontrak sewa
 - ❖ barang yang diberi sewa dapat memberi manfaat
 - ❖ manfaat yang tercatat dalam kontrak boleh digunakan
 - ❖ barang sewaan bukan menjadi kewajipan kepada penyewa seperti menyewakan rumah kepada isteri
- **Tamat Kontrak Sewa**
 - ❖ barang yang disewa hilang, rosak, atau musnah

- ❖ batal kontrak
- ❖ tamat tempoh
- ❖ tidak menepati syarat-syarat kontrak

Bab 18 Gadaian dan Syarikat

18.1. Gadaian (Ar-rah)

- gadaian bererti menahan sesuatu. Menurut istilah syarak adalah sesuatu barangan yang dijadikan cagaran oleh pemiliknya bagi mendapatkan pinjaman
- **Rukun Gadaian**
 - ❖ penggadai
 - ❖ pemegang gadai
 - ❖ barang yang digadaikan
 - ❖ ijab dan kabul
 - ❖ barang yang diberikan kepada penggadai
- Syarat Sah Gadaian
 - ❖ harta yang digadai boleh dijual beli
 - ❖ penggadai dan pemegang gadai akil
 - ❖ gadaian dengan kerelaan sendiri
 - ❖ tidak boleh merugikan penggadai dan orang yang menerima gadaian
- **Perkara-Perkara Yang Membatalkan Gadaian**
 - ❖ barang yang digadai diserahkan semula kepada pengadai
 - ❖ penggadai telah membayar semua hutangnya
 - ❖ barang yang digadai terpaksa dijual atas perintah mahkamah
 - ❖ pemegang gadai membatalkan gadaian
 - ❖ penggadai meninggal dunia
 - ❖ barang yang digadai rosak
 - ❖ barang yang digadai telah disewa dan disedekahkan kepada orang lain
- **Hikmah Gadaian**
 - ❖ memberi kemudahan kepada orang yang memerlukan bantuan
 - ❖ memberi jaminan kepada orang yang memberi hutang
 - ❖ peluang kepada umat Islam mengembangkan ekonomi
 - ❖ melahirkan sifat kerjasama dan perasaan kasih sayang sesama umat
 - ❖ memudahkan seseorang mendapatkan modal bagi memulakan perniagaan
- **Perbezaan Antara Gadaian Secara Islam Dengan Gadaian Secara Konvensional**

Gadaian secara Islam	Gadaian secara konvensional
<ul style="list-style-type: none"> ▪ barang gadaian tetap menjadi hak pemilik asal ▪ perlu membayar barang dan upah ▪ membantu meringankan kesusahan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ barang yang digadai akan lupus jika tidak ditebus dalam tempoh bayaran ▪ perlu membayar nilai barang gadaian termasuk faedah ▪ membebankan kerana membayar faedah dan terdapat unsur riba dan gharar

18.2. Syarikat (As-syarikah)

- syarikat dari segi bahasa ialah bercampur atau berkongsi
- dari segi istilah adalah perkongsian terhadap sesuatu yang dilaksanakan antara dua pihak
- penubuhan syarikat diharuskan
- **Rukun Syarikat**
 - ❖ **Ahli Syarikat**
 - ✓ berakal, baligh, merdeka dan dengan kemahuan sendiri
 - ❖ **Modal**
 - ✓ harta dan kepakaran
 - ❖ **Lafaz Akad**
 - ✓ mengandungi erti izin untuk membelanjakan harta syarikat
- **Perkara Yang Membatalkan Syarikat**
 - ❖ salah seorang rakan kongsi membatalkan syarikat
 - ❖ kematian salah seorang rakan kongsi
 - ❖ salah seorang rakan kongsi murtad
 - ❖ hilang kelayakan seperti gila
 - ❖ salah seorang rakan kongsi membatalkan penyertaan
- **Hikmah Syarikat**
 - ❖ salah satu cara untuk memajukan ekonomi negara
 - ❖ dapat mengadakan perniagaan yang lebih besar
 - ❖ mengeratkan silaturahim antara ahli syarikat
 - ❖ dapat membimbing masyarakat untuk hidup bekerjasama antara satu dengan yang lain

Bab 19 ; Hutang, Insurans Dan Saham

19.1. Hutang (Al-Qaradh)

- hutang adalah memberikan sesuatu barang atau manfaatnya kepada seseorang. Barang atau manfaat perlu dikembalikan dengan syarat orang yang berhutang membayar dengan jumlah yang sama
- hukum memberi hutang asalanya sunat tetapi menjadi wajib dalam keadaan tertentu. Membayar hutang adalah wajib
- **Rukun Berhutang**
 - ❖ penerima dan pemberi hutang. Kedua-duanya mesti mengadakan saksi atau perjanjian bertulis
 - ❖ barang yang diberi hutang adalah milik pemberi hutang sepenuhnya
 - ❖ sifah iaitu akad pemberian hutang
- **Hikmah Diharuskan Berhutang**
 - ❖ membantu golongan yang susah

- ❖ orang miskin berpeluang memperbaiki taraf ekonomi mereka
- ❖ mengelakkan berlakunya penindasan terhadap golongan miskin
- ❖ mengelakkan sikap malas dan suka meminta-minta

19.2. Insurans (At-Takaful)

- insurans bererti faedah yang diperoleh apabila satu kumpulan berikrar untuk menggembelng tenaga serta mengadakan pakatan untuk saling bekerjasama dan tolong-menolong apabila ditimpa musibah
- amalan insurans diharuskan
- **Jenis-Jenis Insurans**
 - ❖ insurans hayat atau nyawa: memberi perlindungan risiko ke atas kematian dan hilang upaya
 - ❖ insurans am: memberi perlindungan kepada mereka yang menghadapi kerugian pendapatan dan harta
- **Prinsip2 Insurans**
 - ❖ tiada unsur ketidakpastian (gharar) pada bayaran sumbangan dan manfaat
 - ❖ pemegang polisi saling bekerjasama bagi mengadakan manfaat bersama
 - ❖ merupakan satu perjanjian bantu-membantu dalam kalangan pemegang polisi
 - ❖ bertujuan memberi keuntungan yang saksama di kalangan ahli
 - ❖ menjamin dan melindungi antara satu dengan yang lain daripada kehilangan atau kerugian
- **Tujuan Diharuskan Insurans**
 - ❖ mendapatkan segala kemudahan perlindungan berupa manfaat, pampasan, atau ganti rugi apabila berlaku musibah
 - ❖ membantu pihak yang ditimpa musibah yang memerlukan sejumlah manfaat keuntungan sebagai pampasan
 - ❖ dapat menampung kos pembaikan kenderaan yang rosak apabila terlibat dalam kemalangan

19.3. Saham (As-Sahmu)

- saham adalah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan
- **3 Sumber Modal Yang Boleh Didapati**
 - ❖ pemegang saham
 - ❖ pinjaman
 - ❖ kadar tertentu daripada keuntungan syarikat
- pemegang saham adalah pemilik bersama bagi sesuatu syarikat
- **Antara Syarat-Syarat Saham Yang Diharuskan**
 - ❖ saham bebas dari unsur riba
 - ❖ tiada unsur perjudian atau terlibat dengan perkara haram
 - ❖ tidak mempunyai unsur spekulasi
 - ❖ saham bukan dari jenis yang dilaburkan dalam akaun simpanan tetap atau simpanan dalam bank konvensional

Bab 20 Kerajaan Khulafa Ar-Rasyidin

20.1. Pengenalan Ringkas Khulafa Ar-Rasyidin

- khalifah ialah orang yang memegang jawatan sebagai ketua negara Islam
- tempoh pemerintahan 29 tahun (11-41 H)
- **Khulafa Ar-Rasyidin ialah gelaran kepada 4 sahabat yang memegang jawatan dalam negara selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. iaitu:**
 - ❖ khalifah Abu Bakar
 - ❖ khalifah Umar Al-khattab
 - ❖ khalifah Usman bin Affan
 - ❖ khalifah Ali bin Abi Talib

20.2. Khalifah Abu Bakar (11-13H/ 632-634M)

- **Riwayat Hidup**
 - ❖ nama sebenar Abdullah bin Abi Quhafah
 - ❖ lahir 2 tahun selepas kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.
 - ❖ keturunan Bani Tamim
 - ❖ digelar As-Siddiq kerana mengakui kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. dalam peristiwa Israk dan Mikraj
 - ❖ orang pertama memeluk Islam
 - ❖ seseorang yang jujur, pekerti baik dan perangai yang terpuji
 - ❖ wafat 23 jamadilakhir tahun 13 Hijrah dan dimakamkan di Madinah berhampiran dengan makam Rasulullah
- **Pelantikan Menjadi Khalifah**
 - ❖ Rasulullah s.a.w. tidak menetapkan seseorang sebagai pengganti selepas kewafatan baginda. Oleh itu, berlaku perselisihan antara golongan Ansar dengan Muhajirin di Saqifah Bani Sa'idah
 - ❖ Abu Bakar mencadangkan Umar Al-Khattab atau Ubaidah sebagai pengganti selepasnya
 - ❖ kedua-duanya membantah lalu mereka berjabat tangan dengan Abu Bakar dan terus memberi bai'ah melantik Abu Bakar sebagai khalifah

20.3. Khalifah Umar Bin Al-Khattab (13-23H/ 634-644M)

- **Riwayat Hidup**
 - ❖ nama sebenar Umar bin Al-Khattab bin Naufal
 - ❖ lahir 13 tahun selepas kelahiran Rasulullah s.a.w.
 - ❖ berketurunan Bani A'dy
 - ❖ digelar Al-faruk bermaksud "Pemisah antara kebenaran dengan kebatilan"
 - ❖ terkenal sebagai seorang yang berani, tegas dan berterus-terang
 - ❖ memeluk Islam tahun ke6 selepas kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.
 - ❖ wafat akhir bulan Zulhijah tahun 23 Hijrah ketika berusia 63 tahun setelah memerintah selama lebih kurang 10 tahun
- **Pelantikan Menjadi Khalifah**
 - ❖ Umar menjadi khalifah melalui wasiat yang dibuat oleh Abu Bakar bagi mengelakkan perpecahan umat Islam
 - ❖ wasiat tersebut ditulis oleh Usman bin Affan

- ❖ pelantikan Umar dipersetujui oleh seluruh umat Islam

20.4. Khalifah Usman Bin Affan

- **Riwayat Hidup**

- ❖ dilahirkan 5 tahun selepas kelahiran Rasulullah
- ❖ berketurunan Bani Umayyah
- ❖ sejak kecil terkenal dengan peribadi mulia, lemah lembut, hartawan, dermawan dan memiliki semangat jihad yang tinggi
- ❖ digelar Zunnurain kerana mengahwini 2 orang puteri Rasulullah
- ❖ wafat pada 18 Zulhijah tahun 35 Hijrah ketika berumur 80 tahun kerana dibunuh oleh pemberontak

- **Pelantikan Sebagai Khalifah**

- ❖ semasa khalifah Umar sakit, beliau mencadangkan 6 orang sahabat sebagai pengganti beliau iaitu Usman, Ali bin Abi Talib, Talhah bin Ubaidillah, Zubair bin Awwam, Saad bin Abi Waqqas dan Abdul Rahman bin Auf
- ❖ Talhah, Zubair, Saad dan Abdul Rahman menarik diri
- ❖ berdasarkan pendapat para sahabat dan orang ramai, Abdul Rahman bin Auf mengisytiharkan Usman bin Affan sebagai khalifah

20.5. Khalifah Ali Bin Abi Talib

- **Riwayat Hidup**

- ❖ nama penuh: Ali bin Abi Talib bin Abdul Mutalib bin Hasyim
- ❖ lahir tahun ke10 sebelum kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.
- ❖ bersifat berani, tegas dan menguasai pelbagai ilmu dengan mendalam
- ❖ kanak-kanak pertama peluk Islam
- ❖ wafat 40 Hijrah setelah memerintah kira-kira 5 tahun

- **Pelantikan Sebagai Khalifah**

- ❖ beliau menerima jawatan khalifah atas desakan orang ramai bagi mententeramkan pergolakan akibat pembunuhan khalifah Usman
- ❖ keluarga Umayyah tidak setuju dengan pelantikan tersebut termasuk Muawiyah bin Abi Sufian

20.6. Dasar Pentadbiran Khulafa Ar-Rasyidin

- undang-undang dan perlembagaan negara berasaskan al-Quran dan sunnah
- khalifah berkuasa membuat keputusan berdasarkan pandangan ahli syura dan ijtihad
- khalifah bertanggungjawab menegakkan kebenaran dan memerintah dengan adil
- khalifah adalah ketua negara
- gabenor dan pegawai dilantik berdasarkan kecekapan dan kewibawaan
- pemimpin dan rakyat bertanggungjawab membangun dan memajukan negara

- rakyat wajib taat pemerintah yang taat perintah Allah

20.7. Pembaharuan Dalam Pentadbiran Negara

- **Majlis Syura**
 - ❖ ahli syura dikenal sebagai ahli ‘Al-Hallu Wal-Aqdu’ yang bermaksud pandai menghurai dan membuat keputusan
 - ❖ fungsi Majlis Syura pada zaman Rasulullah s.a.w. amat terhad kerana keputusan yang dibuat Rasulullah s.a.w. adalah daripada wahyu kecuali beberapa perkara yang memerlukan pandangan sahabat
 - ❖ pada zaman khalifah Umar, satu Majlis Syura khas ditubuhkan yang bertanggungjawab menentukan pelantikan khalifah. Majlis ini terdiri daripada sahabat Rasulullah s.a.w.
- **Pentadbiran Wilayah**
 - ❖ Umar telah mewujudkan jawatan gabenor bagi setiap wilayah Islam yang baru dibuka
 - ❖ gabenor bertanggungjawab memerintah dengan adil
 - ❖ jawatan baru diperkenalkan bagi memantapkan pentadbiran negara seperti ketua setiausaha, pegawai polis, ketua hakim, dan pegawai cukai

20.8. Polisi Pentadbiran Khulafa Ar-Rasyidin

- **Polisi Khalifah Abu Bakar**
 - ❖ memerangi golongan murtad iaitu golongan yang terpengaruh dengan nabi palsu dan golongan yang enggan membayar zakat
 - ❖ menggerakkan tentera Usamah bin Zaid untuk memerangi penduduk Ghassan yang membunuh utusan Rasulullah s.a.w.
 - ❖ melantik khalifah selepasnya bagi memelihara perpaduan supaya tidak timbul perselisihan untuk melantik khalifah selepas beliau meninggal dunia
- **Polisi Khalifah Umar**
 - ❖ beliau menyusun semula pentadbiran tanah yang dikuasai oleh tentera Islam
 - ❖ tidak membenarkan sahabat keluar atau meninggalkan kota Madinah kecuali mendapat keizinan khalifah
- **Polisi Khalifah Usman**
 - ❖ memberi peluang terbuka kepada sesiapa yang ingin berjihad demi menyebarkan agama dan memperluas pengaruh Islam
 - ❖ para sahabat tidak dilarang meninggalkan kota Madinah
 - ❖ melonggarkan syarat penggunaan harta Baitulmal
 - ❖ menetapkan al-Quran dibaca menggunakan lahjah Quraisy
 - ❖ melantik gabenor dalam kalangan Bani Umayyah tapi masih mengira kelayakan dan kepimpinan
- **Polisi Khalifah Ali**
 - ❖ menukarkan pegawai yang berketurunan Umayyah yang dilantik pada zaman khalifah Usman
 - ❖ meneruskan Majlis Syura walaupun mendapat tentangan daripada golongan Khawarij

20.9. Sumbangan Dan Jasa Khulafa Ar-Rasyidin

Khalifah	Sumbangan
Abu Bakar As-siddiq	<ul style="list-style-type: none">▪ memerangi golongan murtad, nabi palsu dan golongan yang enggan bayar zakat▪ membebaskan negeri di bawah pengaruh Rom dan Parsi▪ mengumpulkan tulisan al-Quran
Umar bin Al-Khattab	<ul style="list-style-type: none">▪ menyusun harta dan kekayaan untuk pertahanan negara▪ menyusun undang-undang tanah negara▪ perkenal kalendar tahun Hijrah▪ menubuh pasukan polis dan tentera
Usman bin Affan	<ul style="list-style-type: none">▪ menyumbang harta dan kekayaan untuk pertahanan negara▪ mengumpul dan membukukan al-Quran dalam satu naskhah▪ membesarkan angkatan tentera laut dan darat
Ali bin Abi Talib	<ul style="list-style-type: none">▪ menerima jawatan khalifah ketika negara dalam kekecohan dan tidak tenteram

20.10. Kemajuan Sosial, Ekonomi Dan Perluasan Kawasan

- **Kemajuan Sosial**
 - ❖ Penduduk: terdapat 3 golongan
 - ✓ masyarakat Islam di Semenanjung tanah Arab yang memeluk Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w.
 - ✓ masyarakat Islam yang berada di luar tanah Arab
 - ✓ golongan kafir zimmi
- **Pendidikan**
 - ❖ para khalifah amat ambil berat hal ehwal pendidikan rakyat
 - ❖ selain memberi bantuan pembelajaran, mereka melantik tenaga pengajar
- **Kebajikan Sosial**
 - ❖ kebajikan Islam dan kafir dipelihara
 - ❖ 1 pasukan khas ditubuh untuk jaga keselamatan negara
 - ❖ pelbagai kemudahan disediakan untuk kesenangan rakyat
- **Kemajuan Ekonomi**
 - ❖ bermula zaman khalifah Umar hingga awal pemerintahan Usman kesan daripada perluasan kuasa
 - ❖ negara memiliki banyak kawasan pertanian dan sumber ekonomi yang mantap
 - ❖ pengurusan Baitulmal dikemaskinikan
 - ❖ undang-undang tanah negara diperkenal

- **Perluasan Kawasan**

- ❖ wilayah Islam semakin luas kesan kejayaan tentera Islam
- ❖ pengaruh dan wilayah Islam semakin tersebar

20.11. Kesan Positif Kepimpinan Khulafa Ar-Rasyidin

- corak pemerintahan: pemimpin negara merupakan ketua agama yang mendaulatkan Islam
- sifat kepimpinan: pemimpin dipilih daripada mereka yang berakhlak dan berwawasan
- pertahanan: pertahanan diberi keutamaan bagi memastikan negara bebas daripada serangan luar
- **Ekonomi:** dasar ekonomi digubal secara adil
- **Sosial:** ilmu pengetahuan diberikan perhatian yang penting sama ada ilmu aqli ataupun nakli. Rakyat dilayan sama rata.

20.12. Akibat Membelakangkan Kepimpinan Khulafa Ar-Rasyidin

- ketua negara Islam selepas Khulafa Ar-Rasyidin dilantik secara warisan
- negara Islam terdedah kepada fitnah dan peperangan sesama sendiri
- orang munafik berpeluang memecah belah umat
- timbul perpecahan aliran akidah seperti ahli sunnah dan syiah

20.13. Iktibar Daripada Sejarah Pemerintahan Khulafa Ar-Rasyidin

Aspek akidah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ kehidupan berpandukan akidah yang benar ▪ berpegang teguh kepada Islam ▪ berusaha meningkatkan tahap keimanan kepada Allah ▪ mementingkan ilmu pengetahuan
Aspek syariat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ hidup berlandaskan syariat Islam ▪ sanggup berjihad dan mengorbankan nyawa dan harta demi memperoleh keredaan Allah ▪ membangunkan ekonomi untuk perluasan dakwah dan kemajuan negara ▪ semua lapisan mendapat perhatian
Aspek akhlak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ digelar Qudwatun Hasanah kerana merealisasikan tuntutan al-Quran melalui perkataan dan perbuatan dalam kehidupan seharian ▪ rakyat diberi kebebasan untuk amal agama masing-masing

Bab 21 Kerajaan Bani Umayyah

21.1. Penubuhan Kerajaan Bani Umayyah

- selepas kemangkatan Ali bin Abi Talib 14 Hijrah, penduduk Kufah melantik Hasan bin Ali sebagai pengganti ayahandanya
- walaubagaimanapun, beliau terpaksa menyerahkan jawatan tersebut kepada Muawiyah bin Abu Sufian kerana tidak dapat menyelesaikan huru-hara dan pertumpahan darah yang berlaku dalam negara
- **Penyerahan Dibuat Dengan Syarat-Syarat :**
 - ❖ Muawiyah mesti memerintah berdasar al-Quran dan as-sunnah
 - ❖ sentiasa menghormati dan memualihkan keluarga Nabi Muhammad s.a.w.
 - ❖ pemilihan jawatan khalifah selepasnya mestilah berdasarkan Majlis Syura
- **Peringkat Pemerintahan**
 - ❖ zaman kelahirannya bermula dengan pemerintahan Muawiyah bin Abi Sufian (40-60H) dan berakhir dengan pemerintahan Yazid (64H)
 - ❖ zaman pemerintahan keturunan Marwan bin Al-Hakam yang dikenal sebagai 'zaman kemajuan' (65-86H) hingga zaman kejatuhannya (127-132H)
 - ❖ diasaskan oleh Abdul Rahman Ad-Dahlil hingga pemerintahan Hisyam (137-399H)

21.2. Sumbangan Kerajaan Bani Umayyah Kepada Tamadun Islam

- **Perkembangan Ketenteraan**
 - ❖ Muawiyah sangat mengambil berat tentang pertahanan negara. Beliau mengemaskini angkatan tentera dengan meniru corak gerakan tentera daripada Parsi
 - ❖ **Beliau Membahagikan Tentera Kepada Lima Bahagian**
 - ✓ pasukan teras diletakkan di tengah-tengah (Qalbu Al-Jaisy)
 - ✓ sayap kanan (Al-Maimunah)
 - ✓ sayap kiri (Al-Maisarah)
 - ✓ pasukan hadapan (Al-Muqaddimah)
 - ✓ barisan belakang (Safah Al-Jaisy)
 - ❖ kerajaan turut tubuhkan angkatan perang yang teratur dan dilengkapi dengan peralatan moden dan canggih
- **Perkembangan Pendidikan**
 - ❖ khalifah sangat ambil berat terhadap perkembangan ilmu pengetahuan
 - ❖ khalifah Abdul Malik bin Marwan dan Umar bin Abdul Aziz merupakan ulama yang alim dalam bidang al-Quran, tafsir, hadis dan nahu yang menjadi tumpuan utama pendidikan pada ketika itu
 - ❖ Kota Basrah menjadi terkenal sebagai pusat penyebaran ilmu. Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dan bahasa rasmi kerajaan
 - ❖ disiplin ilmu yang kekenal sebagai 'At-Tadwin' wujud kesan daripada kegiatan penulisan, pembukuan dan pembinaan perpustakaan
- **Ekonomi**
 - ❖ kekuatan ekonomi negara bergantung kepada pertanian dan perdagangan
 - ❖ **Hasil Negara:**

- ✓ kharaj
- ✓ jizyah
- ✓ zakat
- ✓ usyur
- ✓ fai
- ✓ ghanimah
- ❖ **Faktor Kegemilangan Tamadun Islam**
 - ✓ kecekapan dan kebijaksanaan khalifah
 - ✓ penguasaan ilmu pengetahuan
 - ✓ ekonomi yang stabil
 - ✓ kekuatan tentera
- **Faktor Kejatuhan**
 - ❖ sikap beberapa orang pemerintah yang mengabaikan ajaran Islam
 - ❖ pemilihan pemerintah tidak dilakukan melalui majlis Syura
 - ❖ pemerintah bersikap tidak adil dan membezakan orang Arab dengan bukan Arab
 - ❖ pemerintah yang dilantik tidak berkelayakan

Bab 22 Imam Abu Hanifah r.h.

22.1 Imam Abu Hanifah r.h.

• **Riwayat Hidup**

- ❖ nama sebenar Nukman bin Thabit
- ❖ lahir di Kufah tahun 80 Hijrah (699M)
- ❖ berketurunan Parsi dan anak kepada seorang peniaga kain
- ❖ beliau salah seorang ulama Islam terkenal dan pengasas Mazhab Hanafi
- ❖ **Beliau Digelar Abu Hanifah Kerana:**
 - ✓ sentiasa bawa ke mana saja tintanya (pen) untuk mencatat ilmu
 - ✓ salah seorang anaknya bernama Hanifah
 - ✓ Hanifah juga bermaksud cenderung kepada agama
- ❖ beliau seorang yang berakhlak mulia, pemurah, ikhlas, berani, suka memberi nasihat, rajin berusaha dan bercita-cita tinggi
- ❖ beliau seorang yang berani dan tegas dalam mempertahankan agama
- ❖ **Ujian Yang Dihadapai Daripada Pemerintah:**
 - ✓ dihukum penjara
 - ✓ disebut kerana tolak jawatan kadi di Kufah
- ❖ Meninggal dunia pada bulan Rejab tahun 150 Hijrah bersamaan 767 Masihi ketika usia 70 tahun

22.2. Pendidikan

- beliau berpeluang menuntut ilmu sejak kecil hingga ke peringkat tertinggi
- beliau belajar pelbagai ilmu terutama undang-undang Islam
- berguru dengan beberapa orang ulama yang hidup sezaman dengannya

- guru yang paling banyak memberi sumbangan ialah Imam Hammad bin Ali Sulaiman selama 18 tahun
- pernah berguru dengan sahabat Nabi Muhammad s.a.w.: Anas bin Malik, Abdullah bin Abi Aufa, dan Abdullah bin Abi Al-Hasan

22.3. Sumbangan Kepada Tamadun Islam

- masanya banyak dihabiskan untuk memberi pengajaran di masjid
- berfikiran kritis dan terbuka dalam menyelesaikan masalah fikah
- ulama pertama menyusun kitab fikah ikut bab dan fasal dengan tersusun
- kitab karangan beliau yang terkenal: Al-Fikah Al-Akbar dan Kitab Fara'id
- seorang yang amat teliti dalam tentukan hukum ikut martabat hadis

22.4. Pengaruh Mazhab Abu Hanifah

- aliran mazhab dikenali sebagai aliran mazhab Hanafi
- mazhab ini berpengaruh di Ira dan mazhab rasmi kerajaan Uthmaniah
- muridnya yang terkenal sebagai tokoh ulama turut menyebarkan ilmu melalui kuliah dan penulisan khususnya dalam bidang fikah dan perundangan Islam

Bab 23 Imam Malik r.h.

23.1. Riwayat Hidup

- nama sebenar beliau ialah Malik bin Anas bin Amir Al-Harith
- dilahirkan di Madinah pada tahun 93 Hijrah bersamaan 713 Masihi
- berketurunan Arab yang terhormat dan berasal daripada keluarga yang susah
- mempunyai pandangan yang bernas, berpendirian teguh, bijaksana, cerdas dan kuat ingatan
- seorang yang berbudi bahasa, lemah lembut, dan suka menziarahi orang sakit
- beliau tidak pernah menunggang kuda di Madinah kerana menghormati bumi yang ada jasad Rasulullah s.a.w.
- meninggal dunia pada 10 Rabiulawal 179 M ketika usia 86 tahun

23.2. Pendidikan

- banyak mendampingi ulama sejak kecil
- boleh hafal hadis Rasulullah s.a.w. sejak kecil
- guru pertama ialah Abdul Rahman bin Harman iaitu ulama besar Madinah
- beliau pernah belajar daripada 900 orang guru dari kalangan tabiin dan tabi'tabiin

23.3. Imam Malik Sebagai Guru

- mempunyai tahap keilmuan yang tinggi
- mula mengajar ketika berusia 17 tahun dan dapat mengajar dengan baik
- kebanyakan majlis pengajian dilakukan di Masjid nabawi
- beliau sanggup bersusah payah memberi kefahaman kepada anak muridnya tentang sesuatu ilmu

23.4. Sumbangan

- sumbangan beliau yang terbesar ialah kitab Al-Muattok
- beliau pengasas mazhab Maliki
- banyak kumpul dan analisis hadis-hadis
- menghasilkan beberapa buah buku agama yang tinggi nilainya yang terdapat di pusat-pusat pengajian tinggi sebagai rujukan kepada pelajar Islam

Bab 24 Imam As-Syafie rh

24.1. Riwayat Hidup

- nama sebenar ialah Muhammad bin Idris bin Al-Abbas ra. bin Usman bin syafie' bin As-Sa'ib
- beliau sama keturunan dengan Nabi Muhammad s.a.w. di sbhl datuknya Abdul Manaf
- lahir di Ghazzah, Palestin tahun 150 H (767M)
- bapanya meninggal dunia sebelum beliau dilahirkan
- beliau digelar 'As-Syafie' sempena nama datuknya Syafie bin Sa'ib
- seorang yang kuat ingatan, terang hati, rajin dan peribadinya yang sangat tinggi
- beliau meninggal dunia pada 29 Rejab tahun 204 Hijrah (820M) di Mesir

24.2. Pendidikan

- imam As-Syafie mula belajar Al-Quran ketika berusia 5 tahun dan dapat hafaz al-Quran ketika usia 9 tahun
- ketika usia 12 tahun, beliau hafal kitab Al-Muattok, karangan Imam Malik
- beliau banyak menghabiskan masa remajanya dengan menghadiri kelas-kelas pengajian agama di Masjidil Haram
- beliau belajar dengan beberapa tokoh ulama hadis yang masyur seperti imam Malik bin Anas dan Ibrahim bin Abi Yahya As-Sami
- beliau juga mengembara ke Iraq, Parsi, Palestin dan Yaman untuk menuntut ilmu

24.3. Sumbangan

- mengasas kaedah tertentu dalam mensabitkan hukum
- tidak terima kaedah istihsan
- mempersempitkan penggunaan akal dalam mensabitkan sesuatu
- berjihad mengikut tempat dan suasana
- berhujah dengan golongan antihadis. Perdebatan ini disebutkan dalam kitab Ar-Risalah
- beliau sangat teliti dalam mengutarakan pandangan khususnya dalam masalah ibadat
- pengasas mazhab Syafie

Bab 25 Imam Ahmad bin Hanbal rh

25.1. Riwayat Hidup

- nama sebenar beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal
- beliau satu keturunan dengan Nabi Muhammad s.a.w. di sebelah neneknya.
- imam Ahmad lahir di Baghdad pada bulan Rabiulawal tahun 164Hijrah (780M)
- beliau lahir dalam keadaan yatim serta miskin. Bapanya hanya meninggalkan sebuah rumah dan tanah yang kecil
- beliau mengambil upah jual kain dan membawa barang-barang di jalanan untuk menyara hidup
- beliau seorang yang sangat mementingkan kebersihan dan kekemasan
- beliau tidak sombong dan bongkak. Beliau mengasihi seseorang kerana Allah
- beliau seorang yang bertaqwa, baik hati, kurang makan dan minum serta banyak melakukan ibadat
- **Antara Ibadatnya:**
 - ❖ baca 1/7 al-Quran pada setiap hari
 - ❖ menghafaz lebih daripada 700000 hadis
 - ❖ khatam al-Quran sekali seminggu
 - ❖ mengerjakan solat sunat hingga 300 rakaat setiap hari
- beliau meninggal dunia pada tahun 855 M di Baghdad ketika berusia 77 tahun

25.2. Pendidikan

- sejak kecil beliau menunjukkan minat yang mendalam terhadap ilmu dan rajin belajar
- beliau akan membawa alat tulis dan kertas untuk menulis sesuatu yang berfaedah ke mana-mana saja beliau pergi
- sebahagian besar hidupnya adalah untuk mencari ilmu
- beliau mengembara ke beberapa buah negeri untuk menuntut ilmu seperti Kufah, Basrah, Syam, dan Yaman
- guru beliau yang masyhur ialah Imam As-Syafie, Sufian bin Uyainah dan Yahya bin Said
- **Cara Imam Ahmad Mengihtinbatkan Hukum**
 - ❖ berpegang teguh dengan hadis yang sahih saja dan menolak hadis dhaif
 - ❖ amat berhati-hati memilih hadis yang berhubung kait dengan masalah halal dan haram sama ada dari segi matan atau sanadnya

25.3. Sumbangan

- imam Ahmad bin Hanbal memberikan sumbangan yang besar dalam bidang hadis dan perundangan Islam
- **Beliau Meninggalkan Beberapa Kitab Yang Mashyur Dan Menjadi Rujukan Hingga Ke Hari Ini:**
 - ❖ kitab Al-Musnad- mengandungi 40000 hadis
 - ❖ Tafsir al-Quran
 - ❖ An-Nasakh wal Mansukh
 - ❖ kitab At-Tarikh
 - ❖ kitab Al-Ilah
- beliau adalah pengasas mazhab Hanbali

Bab 26 Imam Al-Bukhari rh

26.1. Riwayat Hidup

- nama sebenar beliau ialah Abu Abdullah Muhammad bin Ismail
- lahir hari Jumaat, 13 Syawal tahun 194 Hijrah (810M)
- kedua ibu bapanya orang yang soleh
- gelaran 'Al-Bukhari' adalah diambil sempena nama tempat kelahirannya
- beliau terkena penyakit mata semasa kecil hingga menjadi buta. Berkat doa ibunya, akhirnya beliau dapat melihat semula
- beliau meninggal dunia pada tahun 256 Hijrah bersamaan 870 Masihi ketika usia 62 tahun

26.2. Pendidikan

- beliau mendapat pendidikan yang baik sejak kecil daripada ibunya sendiri
- beliau seorang yang tekun dan gigih mencari ilmu dan sangat menghormati hadis
- ketika umur 11 tahun, beliau telah membetulkan kesilapan gurunya yang mengajar hadis. Ketika itu, beliau telah pun menghafaz al-Quran
- ketika usia 16 tahun, beliau telah menghafal kitab-kitab yang ditulis oleh Ibnu Mubarak dan Waqi'
- beliau mula tulis kitab mengenai hadis daripada para sahabat dan perawi-perawi hadis ketika berumur 18 tahun
- Imam Al-Bukhari merantau selama 16 tahun untuk menuntut dan mencari ilmu pengetahuan
- beliau mengarang kitab Sahih Al-Bukhari
- **Beliau Mensyaratkan Hadis Sahih Dengan Syarat:**
 - ❖ sanadnya mestilah bersambung terus dengan Rasulullah s.a.w.
 - ❖ perawinya mestilah orang Islam, bersifat thiqah serta mempunyai ngatan dan akal yang kuat

26.3. Sumbangan

- kitab sahih Al-Bukhari adalah sumbangan beliau yang terbesar
- kitab ini disusun setelah beliau benar-benar mendalami bidang hadis
- beliau telah berjaya mengumpulkan 600000 hadis dalam kitab sahih Al-Bukhari
- **Keistimewaan Sahih Al-Bukhari:**
 - ❖ himpunan hadis-hadis nabi yang paling sistematik dan penting sebagai rujukan umat Islam selepas kitab al-Quran
 - ❖ Imam Al-Bukhari ambil masa selama 16 tahun dalam usahanya menyelidik, mengumpul, menapis dan menyusun hadis-hadis untuk dimuatkan dalam kitab ini
- beliau seorang mujtahid dan ijtihadnya tidak cenderung kepada mana-mana mazhab fikah

Bab 27 Imam Al-Ghazali rh

27.1. Riwayat Hidup

- Nama sebenar beliau ialah Abu Hamad bin Ahmad Al-Ghazani At-Tusi.

- Dilahirkan pada tahun 450 Hijrah bersamaan 1058 Masihi.
- Dikenal sebagai 'Al-Gazali bersempena dengan nama kampung kelahirannya, Ghazalah
- Asal daripada keluarga miskin. Bapanya seorang yang soleh dan bekerja sebagai pemintal bulu kambing. Beliau ingin melihat anaknya menjadi alim dan soleh
- Beliau seorang yang bijaksana, kuat ingatan, berpegang teguh kepada syariat Islam, tekun belajar dan bijak berhujah
- Beliau kuat beribadat, warak, zuhud, dan tidak menyukai kemewahan
- Digelar 'Hujjatul Islam' kerana kecekapan, kemasyhuran dan kekuatannya membela Islam
- Imam Al Ghazali adalah seorang ulama, ahli fikir, dan ahli falsafah Islam yang terkemuka
- Meninggal dunia di Tus pada hari Isnin 14 Jamadilakhir tahun 505 Hijrah bersamaan 1111(M)

27.2. Pendidikan

- Pada peringkat awalnya beliau mendapat pendidikan secara percuma daripada beberapa orang guru kerana kemiskinannya
- Beliau belajar di sekolah yang didirikan oleh Perdana Menteri Nizam Al-Mulk di Tus
- Beliau melanjutkan pelajaran dari Tus ke Jarjan dan Naisabur
- Beliau belajar pelbagai bidang ilmu fikah, ilmu kalam dan ilmu falsafah daripada Imam Al-Harmain di Naisabar
- Beliau belajar tasawuf daripada beberapa orang guru
- Beliau dilantik sebagai tenaga pengajar kanan di Universiti Nizamia di Baghdad
- **Kegigihan Menuntut Ilmu**
 - ❖ Tabah dan bersemangat kuat untuk menuntut ilmu
 - ❖ Berjaya menghafaz Al-Quran dalam usia yang muda
 - ❖ berusaha mempelajari dan menguasai beberapa bahasa seperti bahasa Arab dan Parsi
 - ❖ menguasai ilmu al-Quran, hadis, mantik, usuluddin, tasawuf dan falsafah
 - ❖ sanggup mengembara untuk mendapatkan ilmu

27.3. Sumbangan

- penasihat agung kepada Perdana Menteri Nizam Al-Mulk
- menjadi tenaga pengajar kanan di universiti Nizamia di Baghdad dan Naisabur
- menyokong fahaman Al-Isyairah atau dikenal sebagai mazhab ahli sunnah waljamaah
- menolak fahaman ahli falsafah yang meresap dalam ilmu kalam
- pelopor kepada golongan sufi
- **Menghasilkan Buku:**
 - ❖ Ihya Ulumuddin
 - ❖ Al-Munkaz minal Dhalal
 - ❖ Tuhafutul falsafah
 - ❖ Al-Wajiz

